



**Mhi** ملاك هاري اين  
**MELAKA HARIINI**

**FOKUS DUN**

**Lendu**

Hasrat  
Ketua Menteri  
untuk DUN Lendu

4&5

Foto MR. Azli

## Vaksin COVID-19

# Tiba dengan harapan

**KETIBAAN** Vaksin COVID-19 di Melaka pada 24 Februari lepas ternyata memberi harapan yang tinggi buat kerajaan serta rakyat negeri amnya, dalam usaha memenangi 'perang' terhadap virus pembunuh itu. **2&3**

Foto MR. Azli

## Cili Melaka diperkenalkan **6**

Libatkan 'frontliners' dan wakil rakyat

# 11,000 terima vaksin fasa pertama

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BANDARAYA MELAKA** - Proses suntikan vaksin fasa pertama di Melaka yang bermula 2 Mac, melibatkan 11,000 petugas barisan hadapan (frontliners) dan wakil rakyat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa

Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, bagi fasa permulaan, semua tiga hospital dan klinik kesihatan di negeri ini akan dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Tarikh 24 Februari 2021 merupakan hari bersejarah bagi negeri Melaka apabila

kita menerima vaksin pertama COVID-19.

"Suntikan pertama kepada petugas barisan hadapan akan kita mulakan pada 2 Mac, tetapi sebelum itu pada 26 Februari, kita suntik dahulu kepada vaksinator atau orang yang akan memberi vaksin bagi fasa pertama," katanya kepada pemberita di luar pekarangan Hospital Melaka selepas menerima 8,190 dos vaksin pertama untuk negeri ini pada 24 Februari lepas.

Tambahnya, fasa kedua vaksin di Melaka pula dijangka bermula pada Mei hingga Ogos depan, melibatkan 250,000 pesakit kronik dan warga emas, manakala fasa ketiga membabitkan 400,000 individu berumur 18 tahun ke atas pada September tahun ini hingga Februari 2022.

Mengulas lanjut, beliau menyeru orang ramai agar secara sukarela menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19 di negara ini.

"Jadi saya meminta orang ramai agar membuat pendaftaran melalui MySejahtera atau boleh menghubungi Bilik Gerakan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka di talian 06-2356876," katanya lagi.



RAHMAD

## 3 FASA PEMBERIAN VAKSIN UNTUK KUMPULAN SASAR



### FASA 1 (FEBRUARI - APRIL 2021)

Kumpulan Utama 1 - Petugas Kesihatan Kerajaan dan Swasta

Kumpulan Utama 2 - Petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting (Essential Service) & pertahanan

- Pemberian vaksin adalah kepada petugas barisan hadapan terutamanya petugas kesihatan bagi memastikan kumpulan ini terlindung daripada jangkitan COVID-19. Ini bertujuan memastikan sistem kesihatan dan keselamatan pada tahap yang optimum

### FASA 2 (APRIL - OGOS 2021)

Kumpulan Utama 1 - Baki Petugas Kesihatan serta perkhidmatan penting dan pertahanan

Kumpulan Utama 2 - Warga emas berumur 60 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi mengalami penyakit kronik dan orang kelainan upaya (OKU)

- Mengurangkan beban penyakit kepada kumpulan berisiko tinggi agar terlindung daripada jangkitan COVID-19. Ini sekaligus dapat mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam Malaysia.

### FASA 3 (MEI 2021 - FEBRUARI 2022)

Kumpulan Utama - Penduduk berumur 18 tahun ke atas (warganegara & bukan warganegara). Keutamaan kepada kawasan di zon Merah, zon kuning dan kemudian zon hijau.

- Kawalan wabak, pemberian vaksin akan dilanjutkan sepanjang fasa dua dan tiga di kawasan kluster berisiko tinggi melalui penilaian risiko bagi mengawal penurunan penyakit.

### PM & KP KESIHATAN PENERIMA SUNTIKAN VAKSIN PERTAMA

"Kami buat keputusan permulaan program imunisasi Covid-19 diawalkan pada Rabu, 24 Feb dengan Perdana Menteri dan Ketua Pengarah Kesihatan akan menerima suntikan Vaksin pertama di Klinik Kesihatan Putrajaya".

- Khairy Jamaluddin  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



## Sulaiman individu pertama terima suntikan

**SERI NEGERI** - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengesahkan beliau menjadi individu pertama di Melaka akan menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech esok, sekali gus memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di negeri ini.

Menurutnya, program suntikan kemudian diteruskan untuk semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan tiada yang terkecuali sebelum diagihkan kepada 11,000 petugas barisan hadapan bagi fasa pertama.

"Suntikan akan melalui beberapa prosedur dan dijalankan di tiga hospital dan klinik kesihatan di negeri ini sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Nak ambil vaksin ada banyak 'step' (langkah), ada taklimat baru dapatkan suntikan...lepas terima suntikan, duduk dahulu setengah jam baru boleh kita tinggalkan kawasan yang kita vaksin tadi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Perjanjian-perjanjian Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) di Bilik Tun Perak Seri Negeri, baru-baru ini.

Pada 24 Februari lepas, sebanyak 8,190 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech selamat tiba di Hospital Me-



SULAIMAN

## Jangan pertikai - Kamaruddin

**UMAT** Islam di negeri ini tidak seharusnya mempertikaikan hukum menerima vaksin yang telah diputuskan ianya harus dan wajib diambil oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Penasihat Agama kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Kamaruddin Sidek berkata, dari sudut pandangan Islam, perkara itu dilihat sebagai kaedah untuk menyelamatkan nyawa terutama apabila wabak COVID-19 bukan penyakit biasa sebaliknya mampu mengancam nyawa.

Jelasnya, persoalan mula timbul dalam kalangan umat Islam yang membantikkan mengenai hukum pengambilan vaksin itu apabila sumber penghasilannya didakwa diam-bil daripada unsur haram.

"Kita tahu maksud syarak yang diturunkan, salah satu daripadanya adalah hafzun nafsi iaitu menjaga nyawa, jadi bagi menyelamatkan nyawa manusia, Allah Taala memberi kelonggaran menggunakan apa sahaja bahan yang seandainya (sumber) najis, tetapi cara itu sahaja boleh menyelamatkan nyawa maka Islam beri kebenaran."

"Begini juga isu vaksin ini, perkara ini

laka.

Vaksin tersebut dibawa dengan sebuah van penyimpanan khas milik syarikat logistik melalui jalan darat yang turut diiringi petugas keselamatan yang terdiri daripada anggota polis.

(pandemik COVID-19) tidak berlaku ketika zaman para Nabi dan sahabat Nabi kerana perkara ini berhubung kait dengan perkara baharu.

"Oleh itu, Islam membenarkan para ulama dan mufti untuk berjihad mencari satu formula, kaedah dan hukum baru kerana Islam bersifat fleksibel yang sesuai dilaksanakan atau diamalkan sepanjang zaman," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut Kamaruddin yang juga Pesuruhjaya PAS Melaka berkata, berdasarkan kesesuaian yang ditetapkan dalam Islam, para ulama khususnya mufti dan Majlis Fatwa Kebangsaan berpandangan pengambilan vaksin COVID-19 diharuskan demi untuk menyelamatkan nyawa.

"Masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dan lengkap, jangan mudah terikut dan terpengaruh untuk melatihkan hukum mengenai isu ini."

"Saya sendiri bersedia menjadi individu awal untuk menerima vaksin itu sekali gus dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat tentang keharusan menerima vaksin tersebut," katanya.



## Soalan lazim berkenaan vaksin COVID-19 keluaran Pfizer (Comirnaty)

**Bagaimana Vaksin Comirnaty bertindak di dalam tubuh badan?**

Vaksin Comirnaty adalah menggunakan teknologi vaksin jenis mRNA (messanger ribonucleic acid). Vaksin mRNA terdiri daripada jujukan genetik yang diselaputi oleh bahan yang boleh melindungi mRNA daripada tindakbalas enzim di dalam badan dan memastikan mRNA dapat memasuki sel imun tertentu seperti sel dendritic dan makrofaj di dalam nodul limpa yang berdekatan kawasan suntikan.

### Bolehkah vaksin Comirnaty mengubah DNA atau genetik seseorang?

Tidak. Vaksin Comirnaty tidak boleh mengubah DNA atau genetik seseorang kerana mRNA tidak memasuki nukleus di dalam sel dan tidak akan bertindakbalas dengan DNA.

### Siapa yang boleh mendapat vaksin Comirnaty?

Semua individu yang berusia 18 tahun ke atas boleh mengambil vaksin Comirnaty.

### Berapa dos yang diperlukan untuk vaksin Comirnaty?

Setiap individu perlu menerima 2 dos vaksin Comirnaty dengan tempoh masa sekurang-kurangnya 21 hari di antara dos pertama dan dos kedua.

### Siapa yang tidak sesuai menerima vaksin Comirnaty?

- Individu mempunyai sejarah alahan/alergi yang serius (cnth: anafilaksis) terhadap makanan/ubat/persekuturan sehingga memerlukan rawatan hospital.
- Individu yang mengalami alahan/alergi yang serius selepas menerima dos pertama vaksin Comirnaty.
- Individu yang menjalani transplan/pemindahan organ seperti buah pinggang atau sel stem darah dalam masa 3 bulan sebelum divaksinasi.
- Individu yang sedang menjalani rawatan kanser seperti kemoterapi, radioterapi, imunoterapi.
- Individu yang mengidap penyakit HIV dengan sel darah putih CD4 < 200 cells/mL
- Ibu yang mengandung atau merancang untuk hamil
- Individu yang sedang demam disebabkan jangkitan virus/bakteria
- Individu yang menerima rawatan antibodi monoclonal atau plasma darah sebagai rawatan untuk COVID-19 dalam masa 3 bulan sebelum divaksinasi
- Individu yang mempunyai sel darah platelet yang rendah (< 50,000 per microlitre)

# Ramal kes baharu turun 90 peratus

Faiz Hasan

**PENGAMBILAN** suntikan vaksin COVID-19 dalam kalan-gan rakyat dijangkakan mampu menurunkan 90 peratus kes baharu dalam tempoh beberapa minggu selepas dilaksanakan secara berperingkat di negara ini.

Pakar Perubatan Dalaman Hospital Putra Melaka (PSH) Datuk Dr. Mohamad Suhaimi Mohamad Uda Tenang berkata, ia berikutnya beberapa negara yang melaksanakan suntikan terbabit sejak dua minggu lalu menunjukkan perubahan mendadak terhadap kes baharu jangkitan COVID-19 yang direkodkan.

Jelasnya, seperti kes yang direkodkan di England iaitu purata 1.5 juta kes aktif setakat 24 Februari lalu dan menurun 90 peratus selepas negara itu melaksanakan suntikan vaksin dengan purata 10,000 kes baharu sehari berbanding 100,000 kes baharu pada dua

minggu lalu.

"Malah kita lihat di Singapura juga telah menunjukkan penurunan selepas negara itu menerima suntikan vaksin COVID-19 dengan merekodkan hanya puluhan kes aktif.

"Jadi, kita menjangkakan kes baharu COVID-19 di negara ini akan mengalami penurunan dalam tempoh beberapa minggu lagi, yang sebelum ini merekodkan purata empat angka sehari kepada ratusan kes hasil suntikan itu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mohamad Suhaimi berkata, keberkesanan vaksin mampu membawa impak besar kepada perubahan baharu dalam kehidupan masyarakat yang selamat dan terhindar dari pandemik yang melanda negara hampir setahun lalu.

Katanya, masyarakat tidak perlu meragui keberkesanan suntikan vaksin itu yang terbukti 90 peratus efektif bagi membina antibodi badan untuk



membunuh virus COVID-19 serta tidak mempunyai kesan sam-pingan dalam jangka panjang.

"Ada pendapat mempertikaikan vaksin ini dihasilkan begitu cepat dalam tempoh setahun sedangkan beberapa penyakit lain seperti HIV Positif masih tidak menemui penawarannya.

"Kita juga perlu memandang bagaimana virus ini

menular dalam masyarakat kita iaitu melalui udara dan sistem pernafasan kita dan ini memerlukan usaha keras dan efektif bagi menanganinya," katanya.

Dr. Mohamad Suhaimi berkata kesedaran masyarakat terhadap pengambilan suntikan vaksin perlu dipertingkatkan bagi memastikan penerimaan terhadap usaha kerajaan untuk memutuskan rantaian penularan COVID-19.

## Peluang jalani kehidupan normal

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**KEHADIRAN** vaksin COVID-19 yang akan diagihkan secara berperingkat, diharap dapat membantu masyarakat berbilang kaum di negara ini menjalani hidup seperti biasa.

Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat Cina Ketua Menteri Melaka Yong Fuan Juan berkata, vaksin tersebut tiba tepat pada masanya sebagai usaha untuk memerangi pandemik yang telah memberi pelbagai kesan negatif dari sudut ekonomi dan kehidupan rakyat.

"Kita semua berharap dengan adanya vaksin COVID-19 ini ia dapat sekurang-kurangnya mengembalikan keadaan dunia yang huru-hara kepada normal.

"Kita dapat melihat daripada angka dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa vaksin ini telah berjaya melandaikan graf jangkitan.

"Pernahkah kita mengambil tahu sebenarnya lebih daripada 210 juta orang di seluruh dunia telah mengambil suntikan vaksin dan berjaya mengurangkan kes kematian serta jangkitan virus tersebut. Jadi, ia sememangnya telah terbukti dapat membantu situasi masa kini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Oleh itu, beliau berharap rakyat tidak kira dari apa latar belakang sekali pun dapat memberikan sokongan terhadap usaha ini dalam usaha mengembalikan semula kehidupan manusia sejagat.

"Saya berharap tiada yang terpedaya dengan sebarang berita palsu mengenai vaksin. Maklumat palsu dengan niat untuk menakut-nakutkan masyarakat sama sekali tidak membantu situasi semasa ketika ini, ujarnya.

Nada sama turut disuarakan Pengerusi

Badan Perhubungan MIC Melaka Datuk MS Mahadevan yang meminta agar semua kaum di negeri tidak terlepas dalam pengambilan vaksin.

Beliau yang juga Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat India Ketua Menteri Melaka, percaya vaksin tersebut dapat memb-

### PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

## PROSES VAKSINASI

Merangkumi proses dai **enrolmen kumpulan sasar mengikut keutamaan bagi setiap fasa** yang terlibat sehingga pemberian dan pemantauan kesan vaksinasi.

Mengguna pakai aplikasi MySejahtera dan Laman Sesawang Khas atau secara manual bagi masyarakat yang tidak mempunyai akses aplikasi MySejahtera.



## APAKAH ITU VAKSIN COVID - 19?

Vaksin COVID-19 merangsang sistem imun supaya jika kita terdedah kepada koronavirus SARS-CoV-2, tubuh badan boleh bertindak balas terhadap jangkitan COVID-19. Pelbagai platform seperti jujukan genetik RNA, viral vector, virus nyahaktif dan sub-unit protein telah digunakan untuk menyediakan vaksin koronavirus yang selamat dan berkesan, ia memberikan anda perlindungan terbaik terhadap COVID-19.

## PENDAFTARAN & JANJI TEMU VAKSINASI



menerusi aplikasi MySejahtera



talian hotline (akan dimulakan)



program bantuan (outreach) bagi kawasan luar bandar & pedasman



menerusi laman sesawang www.vaksincovid.gov.my



pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta

## LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN ANGGUR BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKAV)

INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI

## BERMULA : 1 MAC 2021

Secara sukarela tetapi sangat digalakkan bagi mencapai sasaran pembentukan imunititi kelompok



Maklumat lanjut mengenai Program Imunisasi boleh diperolehi di laman sesawang rasmi <http://vaksincovid.gov.my>

SUMBER : MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

# Pembangunan mapan Lendu elak terpinggir

Norizan Abdul Muhid

**ILTIZAM** membawa pembangunan lebih mapan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu menjadi aspirasi utama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Sambil mengakui ianya bukan perkara mudah untuk dilaksanakan namun beliau tidak mahu isu tersebut menjadi penghalang untuk terus merancakkan pembangunan di daerah yang diwakili beliau itu.

Katanya, kemudahan infrastruktur yang lengkap akan terus diperjuangkan agar masyarakat DUN Lendu terus mendapat manfaat sekali gus mengubah landskap kehidupan mereka khususnya dalam bidang ekonomi.

"DUN Lendu khususnya daerah Masjid Tanah tiada akses yang sepatutnya menyebabkan daerah ini kurang diminati oleh golongan pelabur dan dianggap tidak sesuai dijadikan pusat perniagaan.

"Disebabkan kekurangan ini, apa sahaja bentuk potensi perniagaan seperti membina kilang baru lebih rancak diadakan di Melaka sekali gus menjadikan daerah ini tidak mendapat perhatian dan seterusnya terpinggir," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di Seri Bendahara, Ayer Keroh, baru-baru ini.

Daerah Masjid Tanah merupakan daerah keempat bakal diwujudkan kerajaan negeri selepas tiga daerah sebelumnya ada iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Sulaiman berkata, biarpun berjaya meluncurkan lebih 14 projek pembangunan infrastruktur dalam tempoh satu penggal di DUN Lendu, namun beliau merasakan lebih banyak lagi kemudahan perlu disediakan untuk penduduk di daerah tersebut.

"Alhamdulilah, dalam masa sepehingga sahaja saya berjaya sediakan masjid yang baharu untuk rakyat, terminal bas, sekolah rendah agama, kemudahan jalan 'bypass' termasuk taman rekreasi, balai raya dan surau.

"Dalam usaha menyediakan semua kemudahan tersebut, saya terpaksa berdepan dengan tugas yang amat menantang namun Alhamdulilah, ia dapat disediakan dalam tempoh yang singkat hasil sokongan rakan-rakan.

"Apabila berjaya melengkapkan keperluan rakyat ini, ia mendatangkan satu kepuasan kepada saya kerana saya dapat melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan kepentingan masyarakat," kata beliau.

Sulaiman, 55, yang juga anak kelahiran Durian Daun, Masjid Tanah merupakan Setiausaha UMNO Bahagian Masjid Tanah dan pernah dilantik sebagai Timbalan Exco Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan negeri pada 2014 hingga 2018.

Sehubungan itu beliau mempunyai beberapa perancangan baharu untuk merancakkan lagi pembangunan infrastruktur di DUN Lendu klu-

INFO DUN LENDU	
<b>Jumlah Penduduk - 14,018</b>	
<b>Jumlah pengundi - 10,657</b>	
<b>Jumlah Keluasan - 7,059.3 Hektar</b>	
<b>KAWASAN PERUMAHAN</b>	<b>RUMAH IBADAH</b>
1. JPKK - 12	1. Masjid - 6
2. Kampung - 12	2. Surau - 28
3. Taman - 21	3. Tokong - 6
4. Kuil - 2	4. Sekolah Rendah - 8
<b>KESIHATAN</b>	<b>PENDIDIKAN</b>
1. Pusat Kesihatan Kerajaan - 3	1. Tadika - 6
2. Pusat Kesihatan Swasta - 7	2. Tadika Jaim - 4
<b>EKONOMI</b>	3. SRA Jaim - 4
1. Kawasan Pelancongan - 0	4. Sekolah Menengah - 4
2. IKS - 1	5. Sekolah Awam/ Swasta - 0
3. Pekan Kecil 1	6. IPT Awam/ Swasta - 0

susnya di Masjid Tanah antaranya pembinaan mini stadium yang dianggarkan bernilai RM30 juta di daerah tersebut.

"Kita tidak mahu Masjid Tanah ketinggalan dari arus pembangunan pesat yang sedang berlaku di Melaka, kerana Masjid Tanah merupakan daerah terbesar di negeri ini tetapi disebabkan tiada akses yang sempurna menyebabkan pelabur kurang berminat menjalankan perniagaan mereka di daerah ini.

"Oleh itu, kita perlu kenali pasti jajaran kemudahan jalan raya yang sesuai untuk memudahkan akses ke Masjid Tanah pada masa depan," katanya.

Secara keseluruhan, kata beliau, Melaka perlu dimajukan sebagai pusat dagangan antarabangsa yang terkenal seperti satu ketika dahulu dan bagi mencapai matlamat ter-

sebut, beliau sudah pun mengevat pelan strategi ke arah itu.

"Perihal utama yang perlu saya lakukan dahulu ialah selesaikan dulu isu air di Melaka, ia bukan perkara mudah tetapi saya tiada pilihan selain berusaha mengenal pasti sumber air baharu untuk

disalurkan ke empangan di negeri ini," ujarnya.

Pada masa yang sama, katanya, Melaka juga tidak boleh lagi bergantung kepada sektor pelancongan dan perlu beralih kepada industri yang lebih mendatangkan pendapatan lebih baik kepada ker-

jaan negeri dan memberi manfaat kepada rakyat.

"Lihat sekarang ini, kita dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tidak mampu berbuat apa-apa disebabkan tiada kemasukan pelancongan, semua sektor yang terlibat pelancongan terjejas," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, beliau perlu mengenal pasti pendapatan baharu untuk kerajaan negeri dan rakyat termasuk penubuhan koridor ekonomi baharu dikenali Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) sebagai puncak permainan kepada landskap ekonomi negeri.

"Saya perlu laksanakan projek baharu ini kerana ia bukan untuk saya, tetapi masa depan generasi akan datang, wilayah ekonomi baharu ini untuk menjadikan Melaka sebagai negeri lestari seperti Singapura sekarang atau sekurang-kurangnya Pulau Pinang.

## Biodata Ringkas Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

**Nama : Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali**

**Tarikh lahir : 20 Disember 1965**

**Tempat lahir : Jalan Bangsal Rebah, Kampung Durian Daun, Masjid Tanah**

**Isteri : Datin Seri Utama Munira M. Yusop**

**Anak :**  
Muhammad Amsyar  
Muhammad Ikhlas  
Putri Balqis

**Pendidikan awal :** Sekolah Kebangsaan Durian Daun  
Sekolah Menengah Kebangsaan  
Masjid Tanah

**Pendidikan tinggi :**  

- Akademi Laut Malaysia (ALAM)  
Kelulusan Ijazah.
- Sarjana Profesional dalam bidang Pengurusan Pesuruhjaya Jaminan Kualiti (QAC) dari United Kingdom.

**Pengalaman kerjaya :** Berpengalaman luas dalam bidang industri minyak dan gas selama 25 tahun  
membabitkan Syarikat PETRONAS Cari Gali, Exxonmobil dan Industri Pembangunan Minyak dan Gas.



# Terus rancakkan pembangunan DUN Lendu - Penduduk

Norizan Abdul Muhid

**PEMBANGUNAN** prasarana serta infrastruktur di daerah ini khususnya di Masjid Tanah perlu terus dirancakkan demi memastikan penduduk menikmati kemudahan lebih baik, sekali gus membaiki kualiti kehidupan.

Rata-rata penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu yang ditemui Melaka Hari Ini menzahirkan agar segala keperluan akan sentiasa mendapat perhatian dan terus memperjuangkan nasib rakyat.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pulau Semut Husin Daud, penduduk DUN Lendu amat bertuah kerana mempunyai wakil rakyat yang berjaya rakyat, berwibawa dan mudah didekati seperti Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Katanya, sepanjang berkhidmat sebagai ADUN Lendu, Sulaiman berjaya melengkapkan hasrat dan keperluan penduduk di daerah itu, sekali gus membuktikan beliau wakil rakyat yang amat mementingkan



ABDUL Kadir

aspek pembangunan penduduk.

Namun menurut Husin, masih terdapat kemudahan baharu yang perlu disediakan di DUN Lendu mengikut keperluan penduduk pada waktu ini seperti kemudahan jalan 'bypass' atau jalan pintas dari Melaka ke Masjid Tanah.

"Kemudahan jalan pintas ini amat penting pada sekarang kerana ia menjimat masa perjalanan mereka yang mahu ke Masjid Tanah, ini sekali gus menyediakan kemudahan ak-

ses yang mudah untuk ke Melaka atau sebaliknya," katanya.

Rakan Husin yang juga Pengerusi JP KK Solok Air Batu, Hasnol Hairi Rahmat berkata, kemudahan terminal bas dan masjid baharu yang dibina baru-baru ini, memenuhi kehendak masyarakat setempat.

"Jika mahu dibandingkan Masjid Tanah dahulu dan sekarang memang banyak perbezaan, daerah ini sudah mempunyai wajah baharu namun hakikatnya, ada banyak ruang dan kemudahan yang harus dibaiki seiring dengan pembangunan pesat yang sedang berlaku di kebanyakan tempat," katanya.

Katanya, kemudahan terminal bas baharu yang diwujudkan di Masjid Tanah berjaya mempelbagaikan aktiviti ekonomi di daerah itu sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan & Penyalaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Lendu Abdul Kadir Jailani Aseli berkata, penduduk DUN Lendu amat berharap agar permohonan mendapatkan stadium mini di daerah dapat dipercepatkan memandangkan ianya tertangguh sejak lima tahun lalu.



PEMBINAAN masjid baharu, Masjid Sultan Abdullah menjadi kebanggaan penduduk Masjid Tanah, sekali gus mengubah landskap wajah daerah itu pada waktu ini.

honan mendapatkan stadium mini di daerah dapat dipercepatkan memandangkan ianya tertangguh sejak lima tahun lalu.

"Setiap tahun, permohonan demikian permohonan dikemukakan namun projek stadium mini masih belum dapat dilaksanakan, disebab-

kan tiada stadium, pengajuhan sukan sekolah atau daerah tidak dapat dijalankan tetapi terpaksa ke Melaka pula," katanya.

## Kemudahan belia perlu ditingkatkan

**PROGRAM** pembangunan infrastruktur belia dalam DUN Lendu khususnya di kawasan Masjid Tanah perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa sejajar dengan kedudukannya sebagai daerah kedua terbesar di negeri ini.

Pengerusi Belia 4B cawangan

Masjid Tanah Faizal Aziz berkata, keperluan belia perlu diambil kira seiring dengan perlaksanaan program infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik serta prasarana lain.

Menurutnya, kemudahan gelanggang futsal dan padang balapan

untuk sukan olahraga masih kurang disediakan di daerah itu malah pengajuran sukan peringkat sekolah atau daerah terpaksa diadakan di Stadium Jebat.

"Saya berharap agar sedikit peruntukan dapat disalurkan untuk pembinaan mini stadium bersebelan-

han Kompleks Belia dan Sukan Masjid Tanah yang tertangguh sejak lima tahun lalu.

"Golongan belia Masjid Tanah masih memerlukan lebih banyak kemudahan prasarana seperti gelanggang futsal dalam kawasan perumahan dan kampung," katanya.

Menurutnya, disebabkan kekurangan kemudahan untuk belia menjalankan program sosial atau bersukan ia dikhawatir menyebabkan golongan itu terlibat dengan kegiatan tidak berfaedah.

"Saya juga bimbang disebabkan kekurangan kemudahan ini, kita sukar mengetahui bakat belia yang terpendam terutama dalam bidang sukan."

"Keadaan ini dilihat lebih banyak berlaku di kawasan luar bandar dan kampung-kampung, oleh itu, ia perlu diberi perhatian bermula sekarang," ujarnya.

Malah, menurut Faizal, terdapat kemudahan infrastruktur dan peralatan sukan yang rosak kerana tidak diselenggara dan paling menyediakan sesetengah kampung di Masjid Tanah langsung tidak mempunyai kemudahan padang atau gelanggang futsal.

"Jika kita lihat ramai barisan atlet negara kita berasal dari luar bandar, oleh itu, jika kita mahu atlet berkualiti mampu bersaing di peringkat lebih tinggi, kita perlukan infrastruktur berkualiti," katanya.



PEGAWAI Belia dan Sukan Alor Gajah Sadikin Ali (dua kiri) menunjukkan tapak pembinaan projek stadium mini yang tertangguh sejak lima tahun lalu.

### WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1 MAC 2021	6.13 am	7.22 am	1.26 pm	4.40 pm	7.27 pm	8.36 pm
2 MAC 2021	6.13 am	7.22 am	1.26 pm	4.39 pm	7.27 pm	8.36 pm
3 MAC 2021	6.13 am	7.21 am	1.26 pm	4.38 pm	7.27 pm	8.36 pm
4 MAC 2021	6.13 am	7.21 am	1.25 pm	4.38 pm	7.27 pm	8.36 pm
5 MAC 2021	6.13 am	7.21 am	1.25 pm	4.37 pm	7.26 pm	8.35 pm
6 MAC 2021	6.12 am	7.20 am	1.20 pm	4.36 pm	7.26 pm	8.35 pm
7 MAC 2021	6.12 am	7.20 am	1.20 pm	4.36 pm	7.26 pm	8.35 pm



SULAIMAN ketika meninjau cili yang ditanam ketika melawat ke projek tanaman cili hasil kerjasama Yayasan Melaka dan GraciGate Berhad (GraciCili) di Bandar Hijau, di Ayer Keroh pada 23 Februari lepas.

## Cili Melaka bakal diperkenalkan

**AYER KEROH** - Kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan tanaman cili di negeri ini dan mewujudkan satu jenama cili baharu iaitu Cili Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia berikutan permintaan cili dalam dan luar negera kini semakin meningkat memandangkan ia mempunyai pelbagai fungsi lain bukan sahaja sebagai makanan.

Jelasnya, sekiranya pemasaran Cili Melaka dapat diperhebatkan, tidak mustahil untuk negeri ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang pertanian moden.

"Tidak kiralah sama ada kita menamakannya sebagai Cili Melaka atau Cabai Melaka sekali pun, jika kita berjaya tularkan kehebatan cili yang ditanam di Melaka, tidak mustahil ia akan menjadi terkenal suatu hari nanti.

"Mungkin selepas ini ramai yang nak merasai kelas Cili Melaka yang kita tuai dan itu akan membuka satu bentuk pasaran baharu dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membuat lawatan ke projek tanaman cili hasil kerjasama Yayasan Melaka dan GraciGate Berhad (GraciCili) bertempat di Bandar Hijau, di sini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, Timbalan Speaker Dewan Negara merangkap Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Melaka Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad dan Pengurus Besar Yayasan Melaka Datuk Yusof Jantan.

Sulaiman berkata, ladang seluas kira-kira 6.88 hektar itu merupakan projek pembangunan tanah secara pertanian terperinci iaitu projek ladang cili secara fertigasi yang menggunakan teknologi hijau dan pintar, Internet of Things (IoT) yang diusahakan hasil kerjasama Yayasan Melaka dan GraciGate Berhad melalui anak syarikatnya GraciCili.

Beliau berkata ia selaras dengan sebahagian daripada lebih 40 'touch point' yang telah disebutkan dalam Belanjawan 2021 Negeri Melaka iaitu Insentif Membangunkan Ekonomi Rakyat bagi usahawan tani, usahawan belia dan juga usahawan asnaf.

Menurutnya lagi, syarikat berkenaan kini menyasarkan ladang kontrak seluas 323.75 hektar di Melaka yang dijangka membuka peluang pekerjaan kepada 4,500 hingga 6,000 orang dalam tempoh tiga tahun.

# Melaka meterai perjanjian RM1.5 billion

Liana Sahabudin

**SERI NEGERI** – Kerajaan negeri memeterai perjanjian bersama tiga syarikat bagi projek tambak laut, aktiviti maritim serta penyewaan asrama pekerja asing, pada 25 Februari lepas.

Perjanjian itu dimeterai melalui usahasama Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) melibatkan anak syarikatnya iaitu PM Multilink Sdn Bhd serta dua syarikat swasta AWH Marine Sdn Bhd dalam syarikat usahasama My Marine Park Sdn Bhd dan HLRB Processing Sdn Bhd.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, perjanjian usahasama kerajaan negeri dan PKNM adalah bagi projek tambak laut seluas 182.1 hektar membabitkan kos keseluruhan RM1.5 bilion

"Ia melibatkan Mukim Umbai di Daerah Jasin bagi melaksanakan pembangunan projek minyak dan gas di atas tanah tambakan itu.

"Dengan termeterainya perjanjian ini, PKNM hendaklah memulakan pelaksanaan kajian hidraulik dan EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar) dalam tempoh dua tahun bermula 21 Februari 2020 sehingga 20 Februari 2022 dan kerja tambak laut pula dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani," katanya.

Beliau berkata demikian



SULAIMAN (dua kiri) bersama Roslan (kanan) sambil disaksikan Hasan (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Azmi Hussain ketika membuat pertukaran dokumen perjanjian projek tambak laut pada Majlis Menandatangani Perjanjian-Perjanjian PKNM di Bilik Tun Perak, di sini pada 25 Februari lepas.

selepas Majlis Menandatangani Perjanjian-Perjanjian PKNM di Bilik Tun Perak, di sini.

Jelasnya, pelaksanaan aktiviti berkaitan maritim di kawasan tiga batu nautika di sepanjang perairan Negeri Melaka pula bagi menjana ekonomi negeri.

"Ini melibatkan dua syarikat iaitu PM Multilink Sdn Bhd dan AWH Marine Sdn Bhd di dalam Syarikat Usahasama My Marine Park Sdn Bhd.

"Kerajaan negeri memberi fokus pembangunan in-

dustri maritim sebagai salah satu bentuk pelaburan yang mampu menjana ekonomi negeri dengan lebih aktif.

"Syarikat AWH Marine Sdn Bhd adalah sebuah syarikat mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelaksanaan dan pengurusan aktiviti maritim," katanya.

Sementara itu katanya, perjanjian penyewaan asrama pekerja di Kawasan Perindustrian Merlimau antara PKNM dan Syarikat HLRB Processing Sdn Bhd diyakini dapat memastikan penularan virus COVID dalam kalangan pe-

kerja asing dapat dibendung.

"PKNM mempunyai bangunan asrama pekerja di kawasan perindustrian ini yang mengandungi dua blok asrama lima tingkat yang mampu menempatkan 900 pekerja industri," katanya.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Hasim Hasan; Timbalan Pengurus PKNM, Datuk Roslan Ahmad; Pengarah AWH Marine Sdn Bhd, Datuk Kapten Jailani Jalal; Pengarah HLRB Processing Sdn Bhd, Datuk Wira Lim Yew Siong.

## Bekalan air mencukupi

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** – Melaka tidak akan melakukan catuan air dalam masa terdekat memandangkan bekalan air di semua empangan di negeri ini masih berada pada paras mencukupi.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, bekalan air yang ada kini dijangka mampu bertahan sehingga September depan meskipun negera sedang berdepan cuaca panas yang dijangka berlarutan sehingga pertengahan April depan.

Katanya, berdasarkan data paras empangan yang dikeluarkan setakat 23 Februari lepas, Empangan Durian Tunggal merekodkan kapasiti 24,270 juta liter air atau 77.9 peratus, manakala Empangan Jus, Jasin, berkapasiti 37,310 juta liter air atau 86.3 peratus.

"Empangan Asahan iaitu empangan terkecil kita masih ada 100 peratus air di

dalamnya bersamaan dengan 705 juta liter air.

"Jadi, Insya-Allah tiada catuan air akan berlaku kerana jika masih tiada hujan sekali pun, kita masih boleh bertahan sehingga September depan.

"Cuma, saya minta seluruh rakyat negeri ini agar terus berdoa dan memohon kepada Allah SWT agar dilimpahkan rezeki hujan supaya memenuhi semua empangan dan sungai-sungai kita bagi memastikan catuan air seperti dahulu tidak lagi berlaku," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman memaklumkan kerajaan negeri telah merangka pelbagai perancangan untuk mengatasi masalah air di negeri ini termasuklah projek 'Water Basin' dan 'Coastal Reservoir'.

Selain itu, ujarnya, projek yang sudah mendapat kelulusan seperti pengeluaran air Sungai Kesang ke Tasik Biru yang bernilai RM150 juta dan projek Em-

pangan Sungai Jernih juga diyakini dapat menyediakan bekalan air mencukupi untuk rakyat negeri ini pada masa akan datang.

Bagaimanapun, beliau menzhahirkan harapan agar sungai-sungai di Melaka kekal terpelihara dan tidak dirosakkan dengan sebarang bentuk pencemaran memandangkan ia dikhuatirkan akan memberi kesan kepada masalah air seperti yang berlaku di Selangor.

"Melalui Badan Kawal Selia Air (BKSA) saya dimaklumkan kita turut melepaskan air dari Empangan Jus untuk disalurkan ke Empangan Durian Tunggal melalui sungai-sungai yang ada.

"Jadi, kita minta sangat agar pengusaha-pengusaha terutamanya petani dan kilang-kilang agar tidak melepaskan sisa atau efluen ke sungai-sungai yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran. Saya minta, sampai bila-bila janganlah buat perkara seperti ini," katanya lagi.

Melibatkan 77 sekolah menengah

# Pejabat Ketua Menteri agih pelitup muka

**SERI BENDAHARA** – Pejabat Ketua Menteri Melaka mengagihkan sumbangan pelitup muka kepada 77 wakil sekolah menengah di negeri ini bagi kegunaan pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pada 22 Februari lepas.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, bekalan pelitup muka itu turut disalurkan kepada calon peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang bakal menduduki peperiksaan tidak lama lagi.

"Pak cik mendoakan anak-anak agar diper mudahkan segala urusan, dikur-

niakan kesihatan yang baik serta menjawab soalan dengan tenang sepanjang musim peperiksaan ini," katanya menerusi Facebook rasmi nya, baru-baru ini.

Sebelum ini, Sulaiman turut menasihatkan calon SPM 2020 di negeri yang menduduki peperiksaan utama itu supaya sentiasa menjaga kesihatan diri dan berusaha sehabis baik.

Menggelar dirinya sebagai 'pak cik', Sulaiman meneri rakyat negeri ini sama-sama berdoa dan memberikan sokongan kepada calon SPM agar dapat menjawab soalan dengan tenang selain dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang peperiksaan itu berlangsung.



**KAKITANGAN** Pejabat Ketua Menteri Melaka mengagihkan pelitup muka kepada wakil sekolah menengah di Dewan Seri Bendahara, Ayer Keroh, pada 22 Februari lepas.



**TASHALIEZAN Hamdin, 39, (kanan)** mengenakan pakaian sekolah untuk anaknya, Puteri Nur Al'Fisyah Mohd Zaidi, 6, (kiri) sambil diperhatikan suami, Mohd Zaidi Manap, 37, di Pasar Raya Mydin pada 25 Februari lepas, sebagai persiapan menghadapi alam persekolahan yang bermula 1 Mac.

Pada 19 Februari lepas, Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin mengumumkan sekolah rendah, kolej vokasional dan sekolah antarabangsa serta institusi pendidikan swasta (IPS) kategori pusat yang tidak menawarkan peperiksaan

**Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dan peperiksaan umum masing-masing akan dibuka pada 1 dan 8 Mac.

Kumpulan yang akan mula bersekolah pada 1 Mac ialah murid prasekolah, Tahun Satu dan Dua di sekolah rendah seluruh negara manakala Tahun Tiga, Empat, Lima dan Enam bermula pada 8 Mac.

Pelajar kolej vokasional bagi Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Tahun Satu Semester Dua dan Diploma Vokasional Malaysia Tahun Satu Semester Dua akan hadir ke institusi masing-masing pada 1 Mac. Foto: MR. AZLI

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BATU BERENDAM** – Sanggup mengambil cuti dan menunggu di luar pagar sekolah selama hampir satu jam semata-mata untuk melihat dan mendoakan anaknya dapat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan hati yang tenang.

Itu pengorbanan seorang bapa Amir Omar, 43, tahun yang dapat disaksikan di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah, di sini, baru-baru ini.

Amir yang ditemui Melaka Hari Ini (MHI) berkata, dengan cara itu sahajalah untuk dia menunjukkan kasih sayang kepada anak sulungnya Fatin Maisara Amir, 18 bagi menghadapi peperiksaan SPM yang pertama kali berlangsung dalam suasana norma baharu.

Sewaktu menghantar anaknya ke sekolah, bapa kepada empat anak itu berkata, dia juga sempat membacakan potongan ayat dari surah al-Insyirah dan surah al-Rahman sebelum meniupkan pada dahi anaknya itu bagi memberinya semangat untuk menduduki peperiksaan pertama pada 22 Februari lepas.

"Selain itu saya turut meredakan dan memaafkan segala kesilapannya selama ini. Itulah antara yang saya lakukan untuk membantu memudahkan perjalanan anak saya sepanjang tempoh peperiksaan ini."

"Saya juga sempat menasihatkan anak agar tidak terlalu tertekan sepanjang tempoh ini kerana ini hanyalah peperiksaan dunia dan sebaik-baiknya jadikan ia asbab untuk peperiksaan yang lebih besar yang akan menanti kelak," katanya

Sementara itu, seorang lagi bapa Shannin Jaya, 45, mengakui timbul sedikit kerisauan sewaktu menghantar anaknya ke sekolah pagi tadi apabila terlihat riak wajah anaknya yang kelihatan sedikit sugul untuk menduduki SPM hari ini.

Bagaimanapun, sebagai ketua keluarga, dia mengambil pendekatan untuk memberi semangat dan nasihat kepada anaknya agar bertengang dan melakukan

yang terdaya sahaja bagi meredakan tekanan kepada anak keduanya itu.

"Saya juga sempat mendoakan agar anak saya diper mudahkan urusan sepanjang tempoh peperiksaan ini."

"Sebagai ibu bapa kita memang mahu yang terbaik, tetapi pada masa sama saya tidak mahu anak berasa terlalu stres hingga mengganggu tumpuannya nanti," katanya.



**AMIR** setia menunggu sehingga anaknya memasuki pekarangan dewan peperiksaan di luar pagar SMK Munshi Abdullah, pada 22 Februari lepas.



MUHYIDDIN ketika menerima suntikan vaksin COVID-19 di Pejabat Kesihatan Putrajaya, Presint 11 pada 24 Februari lepas.

# PM kongsi pengalaman disuntik vaksin COVID-19

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkongsi pengalamannya selepas menerima suntikan vaksin COVID-19 yang menandakan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada 24 Februari lepas.

"Saya tak rasa apa-apa pun. Saya tunggu sekejap tengok dah habis, macam suntikan biasa. Jangan bimbang tampil ke hadapan bila-bila masa," katanya pada majlis yang disiarkan secara langsung di stesen televisyen tempatan.

Beliau yang menzahirkan rasa syukur dengan suntikan vaksin berkenaan menyatakan keyakinan bahawa vaksin tersebut selamat dan berkesan.

Justeru, beliau merayu seluruh rakyat serta mereka yang tinggal di negara ini supaya tampil mendaftar melalui aplikasi MySejahtera supaya dapat ditentukan giliran penerimaan suntikan vaksin COVID-19.

"Jadi, yakin dan percayalah

bahawa usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan ini untuk menentukan kita dapat memutuskan rantaian COVID-19 ini, insya-Allah akan berjaya.

"Saya ingin sekali lagi menerusi supaya kita bersama-sama mendukung usaha untuk menentukan negara kita nanti, insya-Allah dalam satu tempoh masa yang singkat akan bebas daripada wabak COVID-19 ini," katanya.

Terdahulu, perdana menteri menerima suntikan dos pertama vaksin jenis Pfizer-BioNTech di Pejabat Kesihatan Putrajaya, Presint 11 di sini, antara Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang dikenal pasti bagi program imunisasi terbesar negara itu.

Turut menerima suntikan pertama dan merupakan antara yang terawal menerima vaksinasi dalam program imunisasi itu ialah Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Noor Hisham Abdullah dan empat petugas Kementerian Kesihatan (KKM).

Program Imunisasi COVID-

19 Kebangsaan, bertemakan "Lindung Diri, Lindung Semua" itu dilaksanakan dalam tiga fasa bermula hari ini dengan Fasa 1 dari Februari hingga April 2021 untuk kumpulan petugas bariisan hadapan melibatkan 500,000 orang.

Fasa 2 pula dari April hingga Ogos membabitkan kumpulan warga emas berumur 65 tahun ke atas, golongan berisiko tinggi serta orang kurang upaya melibatkan 9.4 juta orang, manakala Fasa 3 dari Mei 2021 hingga Februari 2022 untuk penduduk di Malaysia berumur 18 tahun ke atas - warganegara dan bukan warganegara - dengan sasaran lebih 13.7 juta orang.

Malaysia menerima kumpulan pertama bekalan vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech melibatkan 312,390 dos pada Ahad melalui pintu masuk utama negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang; Johor dan Pulau Pinang. - BERNAMA

## Hantar anak ke sekolah Ibu bapa boleh rentas negeri

Liana Sahabudin

**KUALA LUMPUR** – Ibu bapa yang perlu merentas negeri atau daerah bagi menghantar anak masing-masing ke sekolah bagi sesi persekolahan yang bermula 1 Mac, dibenarkan berbuat demikian.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat menerusi mesyuarat teknikal antara Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dibincangkan pada 24 Februari lepas.

"Sehubungan itu, ibu bapa yang hantar anak mereka tidak perlu lagi mendapatkan surat kebenaran pihak polis, namun perlu menunjukkan surat dikeluarkan pihak sekolah ketika melalui sekatan jalan raya.

"Sebagai contoh untuk memasuki asrama luar daerah dan negeri, di sekatan jalan hanya perlu tunjukkan surat kemasukan asrama tersebut.

"Pihak guru boleh keluarkan surat kebenaran boleh rentas daerah untuk masuk asrama tersebut," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19, baru-baru ini.

Jelasnya, beliau juga sudah berbincang dengan pegawai tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memaklumkan perkara itu kepada pihak polis seluruh daerah di seluruh negara.

Sebelum ini KPM menetapkan pembukaan sekolah bermula 1 Mac untuk murid sekolah rendah iaitu prasekolah, Tahun 1 dan Tahun 2 manakala murid Tahun 3 hingga Tahun 6 pula bermula pada 8 Mac.

Pelajar sekolah menengah pula akan memulakan sesi persekolahan pada 4 April bagi Kumpulan A iaitu Johor, Kelantan dan Terengganu manakala pelajar sekolah menengah Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) pada 5 April.



Ibu bapa yang perlu merentas negeri atau daerah bagi menghantar anak masing-masing ke sekolah bagi sesi persekolahan, dibenarkan berbuat demikian. (Gambar Fail)

## Daftar tanggungan bagi vaksinasi mula pertengahan Mac

**PUTRAJAYA** - Pendaftaran tanggungan (pendant) untuk vaksinasi COVID-19 menerusi aplikasi MySejahtera akan diperkenalkan pada pertengahan Mac, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin.

"Kemudahan ini membolehkan anak-anak mendaftarkan ibu bapa mereka yang tidak mempunyai MySejahtera bagi penerimaan vaksin," kata Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam sidang media di Pejabat Kesihatan Putrajaya, Presint 11 di sini

pada 24 Februari lepas.

Khairy berkata pendaftaran untuk vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera bermula semalam menerusi platform iOS, Android serta Huawei, dan sebanyak 465,081 pendaftaran vaksinasi menerusi MySejahtera diterima sehingga pukul 2.45 petang hari ini.

"Pada awalnya, heboh di media sosial mengatakan hanya pengguna Apple sahaja boleh mendaftar. Ini tidak benar. Kita telah menghantar permohonan mengemaskini MySejahtera untuk semua sistem operasi (OS) talian bimbit,

tetapi platform-platform ini mengambil tempoh masa yang berbeza-beza untuk memaparkan perubahan yang telah dibuat di platform masing-masing," katanya.

Beliau seterusnya menerusi orang ramai yang belum memuat turun aplikasi atau mengemas kini MySejahtera untuk berbuat demikian bagi membolehkan logo Vaksinasi COVID-19 dipaparkan.

"Secara ringkasnya, anda perlu mengesahkan maklumat anda, kemudian menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan

kesihatan dan seterusnya, tekan butang hantar," katanya.

Beliau berkata maklumat yang dihantar akan dipadankan (cross-checked) dengan maklumat yang terkumpul di MySejahtera seperti rekod kesihatan daripada pusat kesihatan kerajaan atau swasta.

"Maklumat yang diterima menerusi pendaftaran di MySejahtera akan diproses bagi menyediakan senarai penduduk di Malaysia bagi mendapatkan vaksinasi mengikut keutamaan," katanya. - BERNAMA

VAKSIN COVID-19  
#LindungDiriLindungSemua

# Pemberian vaksin **COVID-19**



Kementerian  
Kesihatan  
Malaysia



myhealthkkm



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
COVID-19



SCAN ME



## Siapa Yang Layak Menerima Vaksin COVID-19?

Semua individu berusia 18 tahun dan ke atas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

### Fasa Pemberian Vaksin

**FASA 1**

Petugas barisan hadapan (frontliners)

Warga emas (60 tahun dan ke atas) dan individu yang menghidapi penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung, penyakit saluran pernafasan kronik, dan obesiti.

**FASA 2**

Individu berusia 18 tahun dan ke atas.



PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

# Banyak majikan masih berdegil

Siti Salehah

**KOTA LAKSAMANA** - Masih banyak majikan di negeri ini dikesan tidak menyediakan penginapan pekerja mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 atau Akta 446.

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Melaka Rosli Jantan berkata, ini dapat dilihat dalam operasi pematuhan yang dijalankan pihaknya bersama agensi Kementerian Sumber Manusia apabila merekodkan sebanyak 533

unit penginapan yang tidak mematuhi akta ditetapkan.

Beliau berkata, dalam operasi yang dijalankan bermula 1 Februari sehingga semalam, sebanyak 135 majikan termasuk 8,075 pekerja asing dan 305 pekerja tempatan dipersiksa.

“Sebanyak 784 penginapan diperiksa dan hasilnya didapati 533 unit tidak mematuhi akta ditetapkan manakala hanya 251 unit yang mengikuti garis panduan.

Selain itu, 108 majikan juga didapati tidak mematuhi Akta 446 apabila tidak meny-

diakan penginapan yang sepatutnya kepada pekerja,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Operasi Penguatkuasaan Khas Tapak Pembinaan bersama beberapa agensi lain termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Kesihatan Negeri, di sebuah tapak pembinaan di Taman Kota Laksamana, di sini.

Menurut beliau, kesemua majikan yang didapati tidak mematuhi akta itu sudah diambil keterangan sebelum diambil tindakan segera bagi

memastikan mereka ini menyediakan penginapan yang sesuai untuk dihuni dan pekerja mendapat perlindungan sewajarnya di bawah undang-undang.

“Seperti pemeriksaan di tapak pembinaan ini, kita mendapati terdapat seramai 399 pekerja warga asing dan mempunyai 104 kabin yang mana setiap satu kabin ada yang menempatkan sehingga enam individu.

“Apabila pemeriksaan dan ukuran dibuat, setiap satu kabin boleh menempatkan hanya empat pekerja sahaja dan selain daripada itu kita juga mendapati pihak majikan juga tidak menyediakan kemudahan sepatutnya seperti tilam dan juga pengudaraan yang elok,” katanya.

Mengulas lanjut Rosli berkata, pemeriksaan juga mendapati, pihak majikan juga tiada permit sementara daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga tiada Sijil Perakuan Penginapan Pekerja daripada JTK, oleh itu tindakan di bawah Seksyen 24D dikenakan kepada majikan.

Tambahnya, sejak Januari 2021 sehingga 23 Februari lepas, seramai 27,496 pekerja asing telah disaring menerusi Operasi Saringan COVID-19 dan sejumlah 14,016 masih belum berbuat demikian.



NAQIB Iman menunjukkan menu burger kepada Nurliyana (tengah) dan Haslina (kiri) di gerainya di Taman Sri Aman, Masjid Tanah.

## Burger laris lebih 100 biji sehari

Din Ahmad

**MASJID TANAH** - Walaupun pembiayaan mikro kredit yang diterima Naqib Iman Mahathir, 23, hanya RM1,000 tetapi ia sudah cukup untuk membolehkannya mengembangkan perniagaan burger.

Pembiayaan yang diterima penuntut Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) itu melalui Program KPT-MEDAC Siswapreneur, membolehkannya menempa kejayaan dalam bidang keusahawanan.

Sejak memperoleh mikro kredit itu daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional yang mengendalikan penyaluran pinjaman itu daripada Program KPT-MEDAC Siswapreneur pada awal bulan ini, beliau mencatatkan jualan lebih 100 burger sehari berbanding 30 sebelum ini.

Penuntut Diploma Isyarat dan Komunikasi Landasan Kereta Api itu berkata, beliau memulakan perniagaan di Taman Sri Aman, di sini, dengan modal terhad pada Ogos lalu dan menghadapi kesukaran mengembangkan operasi.

Katanya, melalui bimbingan Ketua Unit Keusahawanan KKMT, Nurliyana Nasaruddin dan Penyelaras Keusahawanan, Haslina Hashim, dia memohon pembiayaan mikro kredit Program KPT-MEDAC Siswapreneur.

“Alhamdulillah, selepas menerima pembiayaan itu daripada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Mas Ermeyati Samsuddin awal Februari lepas, saya mampu mengembangkan operasi.

“Saya berazam menambah baik usaha menghasilkan burger yang dijual RM2 hingga RM3 setiap satu agar muncul antara peniaga burger terkemuka di daerah ini.

“Memandangkan pembelajaran secara dalam talian, memberi lebih banyak ruang kepada saya menguruskan perniagaan dari jam 5 petang hingga 11 malam,” katanya yang bertekad berjaya dalam pengajian dan perniagaan ketika ditemui baru-baru ini.

Program KPT-MEDAC Siswapreneur disediakan melalui kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan MEDAC yang dilancarkan pada November lalu.

Mas Ermeyati Samsuddin dilaporkan berkata, Naqib Iman adalah seorang daripada tujuh usahawan siswa yang menerima pembiayaan berkenaan setakat 10 Februari lalu.

Program itu menyediakan kemudahan pembiayaan antara RM1,000 hingga RM5,000 untuk penuntut yang masih dalam pengajian tetapi berminat dalam bidang keusahawanan.

MEDAC menyediakan peruntukan RM20 juta kepada TEKUN untuk menjayakan program itu dengan pembayaran balik serendah empat peratus.



KEADAAN dalam kabin yang menempatkan pekerja asing di sebuah tapak pembinaan di Kota Laksamana.

## Projek Ambulans Rakyat Inisiatif percuma untuk asnaf

Liana Sahabudin

**JASIN** - Projek Ambulans Rakyat Pemuda Jasin membantu golongan asnaf di dalam Parlimen Jasin bagi mendapatkan perkhidmatan ambulans secara percuma.

Ketua Pemuda UMNO Jasin Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, insiatif itu dilaksanakan rentetan terdapat golongan asnaf di negeri ini yang tidak mempunyai kenderaan untuk membuat pemeriksaan kesihatan di hospital.

“Ambulans percuma ini khusus untuk golongan asnaf dalam Parlimen Jasin. Bagi bukan asnaf juga boleh menggunakan perkhidmatan, namun mereka akan dikenakan bayaran 50 peratus daripada harga pasaran.

“Contohnya, jika dari Merlimau ke Hospital Melaka, pergi dan balik kosnya RM150, tetapi kita hanya kenakan bayaran RM75,” katanya ketika dihubungi MHI.

Menurutnya, projek ambulans itu dilaksanakan awal Februari lalu dengan peruntukan lebih RM60,000 bagi penyediaan dua buah ambulans.

“Kita ada dua ambulans iaitu satu ambulans lama yang digunakan dalam Jasin sahaja, manakala ambulans baru untuk pesakit yang ingin membuat rawatan susulan di luar dari kawasan Jasin.

“Setakat hari ini (23 Februari), lebih 60 pesakit telah menggunakan perkhidmatan ambulans ini sejak ia dilancarkan,

perkhidmatan ini tidak mengira masa sama ada pagi, petang atau malam jika kita berkelapangan,” katanya.

Dr Muhamad Akmal berkata, selain menyediakan perkhidmatan ambulans, beliau turut membuat pemeriksaan kesihatan bagi golongan asnaf yang menghadapi penyakit.

Usaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Jasin itu turut mendapat kerjasama Persatuan Bulan Sabit Jasin.

Pada masa sama, pihaknya turut menyasarkan enam buah ambulans akan ditambah sehingga hujung tahun ini untuk ditempatkan di setiap parlimen di negeri ini.



DR. MUHAMAD AKMAL (TENGAH) memeriksa seorang asnaf yang terlantar sakit. Foto kredit Dr Muhamad.



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

## Pahala wakaf sentiasa berpanjangan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**WAKAF** dari segi bahasa bermakna berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Sebaik sahaja diwakaf maka jadilah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

Sebahagian ulama mentafsirkan perkataan 'sedekah jariah' dalam hadis itu dengan maksud wakaf, seperti mana kata Imam al-Rafi'i.

Pahala sedekah jariah akan terus mengalir kepada orang yang melakukannya sedangkan sedekah lain, pahala-

nya tidak berterusan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Golongan ulama mengmukakan pengertian wakaf dengan jelas antaranya : Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf sebagai: "Menahan harta yang mungkin boleh dimanfaatkan selama benda itu masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan yang dibolehkan."

Ibnu Qudamah turut mendefinisikan wakaf sebagai: "Menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil)." manakala Sayyid Sabiq menyebut wakaf ialah menahan benda yang menjadi milik pewakaf dan menyedekahkan manfaatnya di jalan Allah SWT.

Sementara itu, Wahbah al-Zuhayli menyatakan, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya serta boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebaikan dan ia diserahkan kepada pihak yang ditentukan dengan harapan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dapat difahami, wakaf diertikan sebagai amalan menyerahkan sebahagian harta dimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat Islam khususnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM10 untuk pembinaan masjid dan selagi mana masjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Bagi sedekah pula seperti seseorang menyedekahkan RM10 kepada peminta sedekah dan wang berkenaan digunakan untuk membeli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Setelah makanan itu habis, pahala sedekah hanya setakat itu saja dan Islam amat menggalakkan di samping melaku-

kan sedekah, rebutlah peluang untuk berwakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, aset dan sebagainya.

Seperi sedia maklum, di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) turut disediakan perkhidmatan wakaf yang menjurus kearah pewakafan pelbagai kaedah lebih-lebih lagi pada ketika urusan wakaf sangat digalakkan bagi men-

ingkatkan ekonomi umat Islam.

Di MAIM, terdapat beberapa kategori wakaf yang disediakan antaranya wakaf khas, wakaf am dan juga wakaf saham.

Umat Islam yang berniat untuk melaksanakan syariat wakaf boleh hubungi MAIM Seksyen Wakaf di talian 06-2837416 atau layari laman

web www.maim.gov.my.

Sebagai kemudahan bersama, pihak MAIM turut akan turun padang memberi penerangan dan pencerahan berkaitan manfaat wakaf di sekitar negeri ini bagi memberi peluang dan ruang pahala kepada umat Islam yang berniat untuk mewakafkan sebahagian harta mereka demi jalan Allah SWT.

## BILIK GERAKAN COVID-19

AGENSI AGAMA ISLAM MELAKA

Sepanjang tempoh  
**Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)**  
(19 FEB 2021 - 4 MAC 2021)

Bilik Gerakan Covid-19 Agenzi Agama Islam Melaka  
akan beroperasi seperti ketentuan berikut :

setiap hari  
Jumaat & Sabtu

8.30 Pagi -  
4.30 Petang

06-283 7416/06-284 9809/  
06-283 2077  
sambungan : EXT 156



"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA"

PKPB

facebook.com/maimmelaka

YouTube: Majlis Agama Islam Melaka

Instagram: @maimmelaka



## JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu  
**sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh  
yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-





**TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menerima cek berjumlah RM 50,000.00 daripada ahli jawatankuasa Masjid Kariah Pengkalan Rama bagi tujuan tambahan tapak masjid berkenaan seluas 0.7128 ekar.**



**BACAAN doa oleh Ketua Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik sebaik selesai permohonan wakaf oleh pewakaf Abd Latib Omar di atas lot 1084 Mukim Tanjung Minyak.**

**KETUA Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik berurusan bersama pewakaf, Isa Jonit yang berminat untuk mewakafkan tanah beliau yang mempunyai keluasan 0.49 hektar bagi tujuan cadangan tapak masjid dan tanah perkuburan Islam kariah Kampung Ladang di DUN Kuala Sungai Baru.**



**PEMANTAUAN oleh Unit Wakaf MAIM ke atas tanah lot 1195, Mukim Merlimau yang berpotensi untuk dibangunkan di masa akan datang. Tanah seluas 1.768 ekar berkenaan turut mendapat permohonan dimajukan bagi tujuan penanaman cili dan tanaman pisang.**

**سُبْحَانَ رَبِّ الْعَالَمِينَ**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA**

### Syarat-syarat Harta Wakaf

- Harta itu mestilah terdiri daripada sesuatu benda yang dapat diambil manfaatnya
- Harta yang diwakafkan kepada penerima wakaf wujud pada waktu itu
- Harta yang diwakafkan itu dapat memberi faedah yang berpanjangan
- Diwakafkan untuk tujuan yang baik sahaja dan tidak menyalahi hukum syarak
- Harta yang diwakafkan ditentukan jenis, bentuk, tempat, luas dan jumlahnya
- Harta yang telah dilunaskan segala pembayaran dan tuntutan ke atasnya dan menjadi pemilikan penuh pewakaf

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Seksyen Wakaf Majlis Agama Islam Melaka

# ASB wajib bayar zakat ke?



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**AMANAH** Saham Bumiputra (ASB) adalah salah satu jenis pelaburan yang diwujudkan oleh kerajaan bagi tujuan untuk membantu kaum Bumiputra meningkatkan pendapatan mereka dalam pengagihan kekayaan negara. Sepertimana pelaburan lain, pemilik ASB juga turut diwajibkan untuk mengeluarkan zakat.

Zakat Simpanan ASB ini dikeluarkan dengan melihat bakiterendah dalam tempoh setahun, jika jumlahnya melebihi RM15,767.73 bagi tahun 2020, maka wajiblah mengeluarkan zakat. Pengiraan Zakat Simpanan ASB adalah mengikut kiraan Zakat Wang Simpanan iaitu kadarnya 2.5%. Sebagai contoh: RM94,000 (baki terendah) x 2.5% = RM2,350(Zakat Simpanan ASB yang wajib dilaksanakan).

Walaubagaimanapun, sekiranya pelaburan ASB itu dibuat melalui pinjaman bank yang

telah ditetapkan syarat pelabur tidak boleh mengeluarkannya sehingga pinjaman dibayar penuh, maka zakat tidak dikenakan. Hal ini kerana, harta tersebut tiada pemilikan sempurna melainkan dividen atau faedah keuntungan yang diperolehi daripada ASB tersebut wajib dizakatkannya.

Namun begitu, perlu diingatkan juga apabila pinjaman tersebut telah dibayar penuh oleh peminjam atau memiliki wang tersebut sepuhnya, maka mereka wajiblah mengeluarkan zakatnya itu. Hal ini kerana, pemilikan wang tersebut sudah sempurna milik bagi pihak peminjam.

Kesimpulannya, setiap masyarakat perlu ada kesedaran akan kepentingan dan kesan membayar zakat seperti yang dicatat dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: "Tidaklah seseorang hamba berada pada suatu hari melainkan akan turun dua malaikat yang salah satunya mengucapkan doa, "Ya Allah berikan-lah orang-orang yang berinsiqat itu balasan", dan malaikat yang lain mengucapkan doa, "Ya Allah berikanlah pada orang yang bakhil/kikir kebinasaan hartanya".

(H.R. Bukhari & Muslim)

Zakat Melaka menyeru masyarakat Islam yang mencukupi syarat-syarat wajib zakat,

bersegeralah menunaikannya tanpa bertangguh. Semoga Allah SWT membalsal sebaik-baik balasan apa yang diberikan dan melimpah berkat ke atas apa yang ditinggalkan seterusnya dapat memberi manfaat kepada seluruh asnaf yang amat memerlukan bantuan zakat. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-

“Sekiranya pelaburan ASB itu dibuat melalui pinjaman bank yang telah ditetapkan syarat pelabur tidak boleh mengeluarkannya sehingga pinjaman dibayar penuh, maka zakat tidak dikenakan.”

300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Zakat - "Bersih Jiwa Suci Harta"

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat"

Surah An-Nur (ayat 56)



"ZAKAT -Bersih Jiwa, Suci Harta"

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#)

Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



## Lensa Sumbangan Kit Makanan Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka



**NURSERY** Gadek berbesar hati menyerahkan sumbangan 160 unit kit makanan kepada Bilik Gerakan Musa'adah Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka baru-baru ini. Sumbangan berkenaan akan diagihkan kepada mereka yang memerlukan di sekitar negeri ini berikutan penularan pandemik COVID-19 yang belum reda sehingga kini.

**Ke Manakah Wakaf Anda?**



# Jam Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka

**Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja**

**Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan**



**Pembangunan Hartanah Wakaf**



**Kaedah bayaran #1 MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN**



**Kaedah bayaran #2 Download APPS e-WALLET BOOST**



**Kaedah bayaran #3 Bayar di Kaunter Wakaf MAIM**



**Kaedah bayaran #4 MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34**



**Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809**



# SMART A+

**SOALAN LATIHAN &  
TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : MATEMATIK**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021  
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :  
011-15116270 / 019-2886270".

## TEKNIK MENJAWAB SOALAN MATEMATIK SPM

### FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021 MATA PELAJARAN MATEMATIK (1449)

Bil.	Perkara	Kertas 1 (1449/1)	Kertas 2 (1449/2)
1	Jenis instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis item	Objektif Aneka Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Subjektif Respons Terhad</li> <li>Subjektif Berstruktur</li> </ul>
3	Bilangan soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab semua soalan)	<b>Bahagian A:</b> 10 soalan (40 markah) (Jawab semua soalan) <b>Bahagian B:</b> 5 soalan (45 markah) (Jawab semua soalan) <b>Bahagian C:</b> 2 soalan (15 markah) (Jawab satu soalan)
4	Jumlah Markah	40	100
5	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingat dan Memahami</li> <li>Mengaplikasi</li> <li>Menganalisis</li> <li>Menilai</li> <li>Mencipta</li> </ul>	
6	Tempoh Ujian	1 jam 30 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konstruk	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram</li> <li>Alatan geometri</li> </ul>

### RUMUS MATEMATIK MATHEMATICAL FORMULAE

Rumus-rumus berikut boleh membantu anda menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.

The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used.

### NOMBOR DAN OPERASI NUMBERS AND OPERATIONS

- $a^m \times a^n = a^{m+n}$
- $a^m \div a^n = a^{m-n}$
- $(a^m)^n = a^{mn}$
- $a^{\frac{m}{n}} = (a^m)^{\frac{1}{n}}$
- Faedah mudah / Simple interest,  $I = Prt$
- Faedah kompaun / Compound interest,  $MV = P\left(1 + \frac{r}{n}\right)^n$
- Jumlah bayaran balik / Total repayment,  $A = P + Prt$

### PERKAITAN DAN ALGEBRA RELATIONSHIP AND ALGEBRA

- Jarak / Distance =  $\sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}$
- Titik tengah / Midpoint,  $(x, y) = \left(\frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2}\right)$
- Laju purata =  $\frac{\text{Jumlah jarak}}{\text{Jumlah masa}}$

$$\text{Average speed} = \frac{\text{Total distance}}{\text{Total time}}$$

$$4 \quad m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}$$

$$5 \quad m = -\frac{\text{pintasan} - y}{\text{pintasan} - x}$$

$$m = -\frac{y - \text{intercept}}{x - \text{intercept}}$$

$$6 \quad A^{-1} = \frac{1}{ad - bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix}$$

### SUKATAN DAN GEOMETRI MEASUREMENT AND GEOMETRY

- Teorem Pythagoras / Pythagoras Theorem,  $c^2 = a^2 + b^2$
- Hasil tambah sudut pedalaman poligon / Sum of interior angles of a polygon =  $(n - 2) \times 180^\circ$
- Lilitan bulatan =  $\pi d = 2\pi r$   
Circumference of circle =  $\pi d = 2\pi r$
- Luas bulatan =  $\pi r^2$   
Area of circle =  $\pi r^2$
- $\frac{\text{Panjang lengkok}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$   
 $\frac{\text{Arc length}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- $\frac{\text{Luas sektor}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$   
 $\frac{\text{Area of sector}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- Luas lelayang =  $\frac{1}{2} \times \text{hasil tambah dua pepenjuru}$   
Area of kite =  $\frac{1}{2} \times \text{product of two diagonals}$
- Luas trapezium =  $\frac{1}{2} \times \text{hasil tambah dua sisi selari} \times \text{tinggi}$   
Area of trapezium =  $\frac{1}{2} \times \text{sum of two parallel sides} \times \text{height}$
- Luas permukaan silinder =  $2\pi r^2 + 2\pi r t$   
Surface area of cylinder =  $2\pi r^2 + 2\pi r t$
- Luas permukaan kon =  $\pi r^2 + \pi r s$   
Surface area of cone =  $\pi r^2 + \pi r s$
- Luas permukaan sfera =  $4\pi r^2$   
Surface area of sphere =  $4\pi r^2$
- Isi padu prisma = luas keratan rentas  $\times$  tinggi  
Volume of prism = area of cross section  $\times$  height
- Isi padu silinder =  $\pi r^2 t$   
Volume of cylinder =  $\pi r^2 t$
- Isi padu kon =  $\frac{1}{3}\pi r^2 t$   
Volume of cone =  $\frac{1}{3}\pi r^2 t$
- Isi padu sfera =  $\frac{4}{3}\pi r^3$   
Volume of sphere =  $\frac{4}{3}\pi r^3$
- Isi padu piramid =  $\frac{1}{3} \times \text{luas tapak} \times \text{tinggi}$   
Volume of pyramid =  $\frac{1}{3} \times \text{base area} \times \text{height}$
- Scale factor,  $k = \frac{PA'}{PA}$   
Faktor skala,  $k = \frac{PA'}{PA}$
- Area of image =  $k^2 \times \text{area of object}$   
Luas imej =  $k^2 \times \text{luas objek}$

# Memperkasa Pedagogi Digital Era COVID-19



**PROF. MADYA DR.  
KHAIRUL AZAMI SIDEK**

**KAEDAH** pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara telah melalui transformasi yang pelbagai.

Ia diperkuuhkan lagi dengan perkembangan pesat bidang teknologi membuatkan pendidik perlu menyesuaikan diri seiring peredaran masa.

Tambahan pula, Revolusi Industri 4.0 yang disokong oleh pihak kerajaan menjadikan sektor pekerjaan kini menuju ke arah adaptasi penggunaan teknologi dalam tugasannya sehari-hari.

Ini dibuktikan lagi dengan komitmen pihak kerajaan menyenaraikan pelan digitalisasi antara perkara utama dalam Belanjawan 2021.

Dengan mengambil langkah sedemikian, dijangkakan berbagai-bagai jenis proses dapat dipercepat dan sumber boleh dijimatkan.

Bidang pendidikan juga tidak ketinggalan terkena tempias dalam hal ini.

Ia telah terkait dengan insiatif Pendidikan 4.0 ataupun Pendidikan Alaf ke 21 yang sudah beberapa ketika diperkatakan mengenai konsepnya.

Ia menuntut pendidik memperkasa pedagogi yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Ia juga secara tidak langsung, membudayakan teknologi kepada golongan pendidik agar menjadikan ia sebagai alat bantuan mengajar pada masa kini.

Sektor pendidikan dianggap penting bagi sebuah negara, bukan kerana ia memperoleh antara peruntukan tertinggi daripada pihak kerajaan dalam sesuatu pembentangan belanja-

wan di peringkat Parlimen, malahan dengan ilmu yang dipelajari dan pengalaman yang diperolehi di institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti, ia bakal menentukan corak kualiti kepimpinan dan kepemimpinan negara pada masa akan datang.

Lebih penting lagi, pendidikan sangat utama ketika kita sedang melalui satu tempoh yang getir di negara ini dan seluruh dunia dengan terjadinya pandemik COVID-19 yang mencabar keadaan norma hidup dan gerak kerja kita sehari-hari.

Dengan ilmu, kita mampu untuk membezakan yang benar dan salah serta yang baik dan buruk dalam kehidupan.

Bertitik tolak daripada hal ini, para pendidik baik di peringkat rendah maupun tinggi, disaran mengemas kini pedagogi yang digunakan agar terus berkaitan dengan perubahan zaman.

Norma kebiasaan sistem pendidikan sedia ada, amat bersesuaian untuk pengajaran secara bersemuka.

Namun, adakah ia masih relevan ketika negara dilanda wabak yang belum diketahui penghujungnya?

Adakah perlu dilakukan pengubahsuaian kepada kerangka kurikulum ataupun pedagogi yang dipraktikkan?

Jika perlu, persoalan seterusnya ialah adakah kita telah bersedia untuk mengadaptasikan diri dengan keadaan mendatang? Baik daripada pihak pendidik, pelajar maupun ibu bapa.

Hakikatnya, kelangsungan hidup dan proses menuntut ilmu perlu diteruskan secara seiring walaupun melalui zaman yang mengursarkan.

Pedagogi abad ke-21 ini menuntut pihak-pihak yang berkaitan untuk melakukan penyesuaian diri dan sistem agar terus kekal terhubung dengan asimilasi proses pendigitalan yang sedang giat berlaku.

Bagi para pendidik, mereka perlu mesra dan peka kepada teknologi yang ada untuk melengkapkan diri bagi menyampaikan ilmu dalam platform yang tersedia dan turut menerapkan elemen pembentukan sahsiah dan keperibadian para pelajar.

Ini merupakan satu bentuk dilemma baru buat para pendidik di semua peringkat terutamanya komponen pembentukan watak dan sikap seseorang pelajar akibat perhubungan yang diajak secara tidak bersemuka.

Maka, kreativiti para pendidik adalah amat dituntut untuk mencapai maksud ini.

Dalam menuju era pendigitalan, pedagogi

yang dinamik perlu diperkasa bagi menyokong kaedah sedia ada, antara lainnya menekankan pembelajaran secara kolaboratif, pengupayaan teknologi, mengoptimalkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wadah informasi dan pembelajaran berasaskan tugas atau projek.

Pembelajaran secara kolaboratif ditafsirkan sebagai cara para pelajar menggunakan kemahiran komunikasi diri bersama pelajar lain serta pihak berkaitan bagi menyiapkan sesuatu tugas.

Teknik ini akan dapat menggalakkan perombakan idea daripada pemikiran para pelajar di luar ruang lingkup bilik darjah.

Dalam konteks pengupayaan teknologi, ia membawa maksud penggunaan platform teknologi berbeza dalam peranti mudah alih untuk tujuan pembelajaran.

Terdapat pelbagai jenis platform yang boleh digunakan oleh para guru dan pelajar. Ia dibangunkan untuk maksud dan golongan sasaran tertentu mengikut kesesuaian suasana pengajaran dan pembelajaran.

Ringkasnya, pengupayaan teknologi dalam kaedah pengajaran oleh para pendidik dan pembelajaran bagi para pelajar mampu membantu kedua-dua belah pihak menyampaikan dan memahami sesuatu konsep walaupun terpisah beribu batu.

Mengoptimalkan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wadah informasi pula memberi konotasi bahawa aplikasi yang tersedia mampu menghubungkan pertanyaan dan cadangan jawapan mengikut tafsiran tertentu.

Ia dilihat sebagai medium rujukan kepada pelbagai perkara yang berlaku di sekeliling kita, baik secara langsung ataupun tidak.

Tambahan pula, pembelajaran berdasarkan tugas atau projek mampu membuang stigma penilaian pelajar yang berbentuk periksaan semata-mata iaitu hanyalah diasaskan oleh keupayaan para pelajar menghafal sesuatu konsep dan kadangkala tidak menghayati atau memahami maksud di sebalik konsep tersebut.

Dalam keadaan ini, demi untuk lulus periksaan sesuatu mata pelajaran, maka teknik penghafalan memainkan peranan utama.

Pembelajaran berdasarkan projek mencabar keupayaan seseorang pelajar berfikir dan bertindak.

Kaedah ini dapat menggalakkan para pelajar memahami dengan lebih mendalam berkenaan sesuatu perkara.

Ini secara tidak langsung, mewujudkan

suastra ingin tahu dan ingin mengkaji secara lanjut, berganding bersama untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang tidak terhad dan lebih menumpu kepada refleksi diri dengan persekitaran sebenar, luar daripada jangkauan silabus sesuatu mata pelajaran.

Bagaimanapun, perubahan terhadap kaedah pengajaran kepada pedagogi digital haruslah sejahtera dan didokong oleh kerangka tunjang pendidikan negara merangkumi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

Hakikatnya, matlamat asas pendidikan adalah proses untuk mengadabkan insan atau proses kemenjadian pelajar.

Ia adalah aspek yang penting untuk menilai kejayaan sesuatu sistem pendidikan.

Bukan sahaja diukur dari segi pencapaian akademik semata, malah lebih tertumpu kepada proses pendidikan itu secara holistik iaitu dari sudut akademik, ko-kurikulum dan sahsiah.

Dalamerti kata lain, bagaimanakah sistem pendidikan sedia ada mampu menambahkan ilmu pengetahuan seseorang untuk manfaat alam sejagat, di samping membentuk akhlak dan peribadi agar tidak menyimpang daripada landasan agama dan norma kehidupan yang baik?

Tujuan umumnya adalah supaya kita akan dapat hidup secara harmoni dan sejahtera sebagai rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan bertanggungjawab.

Bagaimanapun, cabaran pedagogi digital akan tetap ada dan akan sentiasa berubah akibat ketidaktentuan keadaan krisis kesihatan yang masih menerobos kehidupan setiap daripada kita tidak kira pangkat, keturunan dan jantina.

Implikasi daripada keadaan ini akan wujud dan perbezaan antara kita dengan orang lain adalah cara kita menangani sesuatu isu dengan bijaksana.

Ayuh, mari kita nyalakan lilin daripada mengadu tentang kegelapan sekeliling. Pendek kata, mari kita sama-sama menggembung tenaga, baik daripada pihak pendidik, pelajar, ibu bapa mahu pun kementerian, untuk memperkasakan pedagogi digital dalam mendepani cabaran pengajaran dan pembelajaran era COVID-19.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

# Unveiling Tempo: A Cultural History



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

**INDONESIA'S** *Tempo* magazine provided a window to the nation's New Order. The weekly was popular among some of us in Malaysia journalism schools back in the late 1970s. In June of 1994, *Tempo* was banned together with several other Jakarta-based periodicals

Editor Goenawan Mohamad's words "Why should the army fear us when they are the ones with the guns," scribbled in the paper napkin was kept for a long time by the author of *Wars Within: The Story of Tempo, an Independent Magazine in Soeharto's Indonesia* (2005). Janet Steele, journalism academic from George Washington University, and a frequent visitor to Indonesia, was intrigued with the media in Indonesia. In Jakarta, she was connected to the many informal networks of ex-tempo employees.

*Tempo* was founded in 1971, at the beginning of the New Order – the term given to the era that General Soeharto brought to power in 1966, after a failed coup attempt ended President Soekarno's experiment with Guided Democracy. The magazine's founders were all members of the "Generation of '66," mainly stu-

dents and activists, who, together with the military, brought an end to Soekarno's rule.

*Tempo*, sometime called Indonesia's version of *Time* magazine, had earlier supported certain aspects of the New Order. It aligned itself with the "technocratic" policies of Indonesia's Berkeley-trained economists who emphasized rational planning and economic development that would be the hallmarks of the New Order.

*Tempo* had friends in the government, "and there were friends in Golkar." Golkar was the political engine of the New Order – Soeharto's organization of "functional groups." It was Harmoko, the Minister of Information, who signed the letter that banned *Tempo* on 21 June, 1994. For those who may remember, Harmoko was one of the advocates for a New World Information and Communication Order in the 1970s, together with several others then coming from Non-Aligned Third World bloc. And this included Mustapha Masmoudi from Tunisia.

According to Steele, *Tempo* grew strong and wealthy while Soeharto's economic development plan, bolstered by the rise in oil prices of the mid-1970s, transformed Indonesia into one of the new "Asian Tigers." Its editor Goenawan Mohamad's often-quoted statement that editing *Tempo* was like trying to pilot a hijacked plane with the journalists as his passengers, was a grim reminder of the perils of editing a magazine during the Soeharto years.

The magazine was temporarily banned in 1982. Scholar of Southeast Asia, Benedict Anderson, described


*Tempo* as having the style of "mannered knowingness." Steele saw *Tempo* as an independent institution, a truly "non-government" organization. This was because the much admired magazine, also from among the Malay intellectual and literary elites in Kuala Lumpur then, offered independent perspectives on the nation and society of Indonesia in ways that were subtle but unmistakable. It rankled with its enemies in Soeharto's New Order.

But the banning of *Tempo* marked the beginning of the end of the New Order. The popular reaction was unprecedented. The biggest surprise "was the outburst of support from ordinary people, middle class Indonesians who had kept silent throughout the nearly thirty years of Soeharto's rule," observed Steele. The magazine's readership was relatively small – weekly circulation was never higher than about 190,000.

*Tempo* was, to sociologist Arief Budiman, a kind of "space," a place in which writers could exchange ideas with relative freedom. It was Indonesia's only world-class magazine. It was argued that if *Tempo*'s enemies had expected the magazine to crash and burn as a result of the 1994 banning, they were mistaken. The banning had the unintended effect of freeing editor Goenawan Mohamad from his government "hijackers."

With *Tempo* gone, Goenawan had nothing to save. Goenawan was completely free. His magazine did not exist. Steele had earlier planned to write about *Tempo* as "the magazine that doesn't exist." But that was no longer possible.

She realized that the weekly was



The Story of TEMPO, an Independent Magazine in Soeharto's Indonesia

JANET Steele, journalism academic from George Washington University, and a frequent visitor to Indonesia, was intrigued with the media in Indonesia. In Jakarta, she was connected to the many informal networks of ex-tempo employees.

much more than a very potent symbol of freedom of expression. For the twenty-three years prior to the banning, *Tempo* was Indonesia's most important and the only weekly news magazine. It was an institution. It helped to shape and define modern Indonesia. The culture of *Tempo* had influenced on what was worth talking about.

*Tempo* occupied an ambiguous position. A product of the New Order, it presented independent points of view, often at considerable risks. It was like the epic battles of the Mahabhrata. *Tempo*'s struggles marked a war within the New Order. Steele called it fratricide, or perang saudara, a war of brothers. The civil war within was like the wayang kulit, nothing in black or white.

From the beginning, *Tempo* writers were told that their articles should read like "like stories." In the early 1970s, Goenawan's writers had been influenced by the work of Tom Wolfe and other "new journalists" from America who applied literary techniques to the practice of journalism – scene setting and character development. The New Journalism mood also prevailed among journalism students in Malaysia – at the Shah Alam and Minden campuses. In the early days, *Tempo* was run by artists and writers. It was not strictly de-

ciding what's news.

Goenawan and his team provided a new "language" to journalism in Indonesia. Its narrative meanders from one topic to another. *Tempo* was like reading a novel. The enterprise was somewhat responding to the global modernization project of the 1960s. Theorists like W.W. Rostow, Daniel Lerner and Samuel Huntington, the darling of the West in the development of the rest of the world.

*Tempo* also wrote against that scenario, the spectre of Communism, and the Cold War vision on the post colonial states in the Malay Archipelago. Goenawan and his *Tempo* were playing to the tune of Bob Dylan through their portent essays strategizing not only within a repressive press system, but talking back to hegemony and liberalism.

NEXT WEEK:  
**The Hispanized Malay**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

**“ Tempo also wrote against that scenario, the spectre of Communism, and the Cold War vision on the post colonial states in the Malay Archipelago. Goenawan and his Tempo were playing to the tune of Bob Dylan through their portent essays strategizing not only within a repressive press system, but talking back to hegemony and liberalism. ”**



GOENAWAN Mohamad

# Kanser Kolorektal semakin menular di Malaysia



DR. SHANKAR GUNARASA

**PANTAI**  
HOSPITAL  
Ayer Keroh

**Bulan  
Kesedaran  
Kanser  
Kolorektal  
Mac 2021**

## APAKAH SEBENARNYA KANSER KOLOREKTAL?

Kanser ini dikenali juga dengan nama kanser kolon atau kanser usus yang menyergah bahagian lapisan usus dan rektum (bahagian usus besar yang terlibat dalam pencernaan makanan dan pembuangan bahan kumuh). Ianya bermula dari polip iaitu benjolon di usus atau rektum, adakalanya polip ini bertangkal. Kalau di simpan lama ia akan menjalani mutasi sel. Mutasi sel-sel ini yang digabungkan dengan kegagalan gen untuk membuang sel yang bermutasi akan menyebabkan pembahagian sel yang tidak terkawal. Apabila kanser telah mula membesar sejak beberapa tahun, ia bukan sahaja dapat mengambil ruang organ-organ yang lain, tetapi menembusi juga salurun darah yang menyebabkan kanser ini merebak.

## APAKAH STATUS KANSER KOLOREKTAL DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA?

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012-2016, secara keseluruhannya, kanser kolorektal merupakan kanser yang kedua paling kerap berlaku (13.5%) di Malaysia, selepas kanser payudara (19%). Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). Scenario ini lebih memudaratkan rawatan bila lebih 70% kanser kolorektal dikesan berada pada tahap 3 serta 4 iaitu masing-masing 72.4% dalam kalangan lelaki dan 73.1% dalam kalangan wanita.

## BAGAIMANA PULA DI MELAKA?

Berdasarkan statistic kanser di Melaka pada tahun 2012, kanser kolorektal adalah kedua terbesar di kalangan lelaki dan kedua

terbesar di kalangan wanita selepas kanser paru paru dan kanser payudara, pada kadar 16.5 % dan 13.6 % dari semua jenis kanser yang telah di diagnosis di Melaka dari tahun 2007 hingga 2011. Masalah kanser kolorektal di Malaysia juga telah membebankan negara dari segi ekonomi. Hasil kajian yang di buat pada 2012, beban kos merawat kes kanser kolorektal yang baru telah mencecah hampir RM 108 million. Ini tidak termasuk kos tambahan bagi sesetengah kes kanser kolorektal tahap 4 yang yang memerlukan rawatan tersasar monoclonal antibodies / terapi biologi seperti cetuzimab dan bevacizumab yang memerlukan kos tambahan sebanyak RM 20 000 – RM 40 000. Rawatan yang awal dapat mengurangkan kos dan juga bebanan tanggungan kerajaan.

Dogma kanser kolorektal yang hanya berlaku pada golongan yang berusia atau tua tidak tepat sama sekali. Dengan golongan muda yang gemar memakan makanan "fast food", makanan yang kurang serat, cara hidup yang sentiasa sibuk dan keutamaan bersenam di abaikan, kanser kolorektal semakin menular pada usia yang lebih muda. Berdasarkan statistic Kanser Registri Malaysia, dari tahun 2003-2005, hampir 14.6% kanser kolorektal di hidapi oleh golongan usia kurang daripada 50 tahun dan 7% pula dari golongan usia kurang daripada 40 tahun.


Kajian juga menunjukkan kaum Cina di Malaysia lebih cenderung menghidapi kanser kolorektal berbanding dengan kaum Melayu dan India. Nisbah pecahan inciden kanser kolorektal tahunan per 100 000 penduduk untuk kaum Cina adalah 28.3, manakala kaum India 14.3 dan kaum Melayu 11. Pecahan nisbah ini juga dapat di lihat bagi ketiga-tiga kaum ini di Singapura iaitu 34.1, 16.1 dan 26.1 masing-masing.

Selain faktor usia dan ethnic, antara faktor lain yang boleh menjadi punca masalah kanser kolorektal adalah pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'. Selain itu, penyakit radang usus seperti 'ulcerative colitis' dan 'Crohn's disease' boleh dalam jangka masa yang panjang melarat menjadi kanser kolorektal.

Di samping itu mengenali tanda tanda awal seperti pembuangan najis berdarah, tidak rasa kepuasan selepas pembuangan najis, sering sembilit atau cirit birit lebih dari dua minggu, hilang berat badan secara mendadak, sakit perut yang berpanjangan adalah amat penting. Sekiranya anda mempunyai tanda tanda ini, anda perlu menjalani ujian saringan. Antara ujian saringan yang di maksudkan adalah sigmoidoskopi atau kolonoskopi. Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan tiub flexible

## ● Punca masalah kanser kolorektal


Pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'.



berhujungkan kamera dan dimasukkan di hujung dubur untuk melihat polip atau ketulan di usus. Sekiranya polip di jumpai, polypectomy akan di lakukan dan proses ini sangat mustahak. Kajian telah menunjukkan polypectomy dapat mengurangkan risiko kanser kolorektal hampir sebanyak

63% - 90%. Oleh itu, ujian saringan dengan kolonoskopi atau sigmoidoskopi sangat mustahak untuk mengesan gejala ini dari peringkat awal lagi.

Kaedah rawatan kanser kolorektum termasuk pembedaan (secara konvesional atau laparoskopik), kemoterapi, radioterapi dan rawatan sasar seperti monoclonal antibody / terapi biologi. Pembedaan adalah rawatan utama dalam kanser kolorektal. Bergantung kepada peringkat



kanser yang dialami, sesetengah pesakit mungkin memerlukan kemoterapi selepas pembedaan untuk mengurangkan risiko kanser berulang lagi. Berlainan pula untuk kes kanser rektum, sesetengah pesakit

mungkin memerlukan radiokemoterapi untuk mengecutkan tumor sebelum pembedaan dijalankan.. Malah sesetengah pesakit tahap 4 kanser perlu juga di keluarkan stoma terlebih dahulu sebelum menjalani kemoradioterapi.

## BAGAIMANAKAH KANSER KOLOREKTAL DAPAT DI ELAKKAN?

Satu soalan yang sering saya terima daripada pesakit. Amalkanlah pengurusan diri yang baik dengan banyakkan meminum air, memakan makanan seimbang dan kurangkan dari memakan makanan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol). Aktiviti bersenam dapat mengurangkan masalah obesiti, yang antara faktor yang di kaitkan kepada kanser kolorektal. Hindarkan merokok dan minuman berarak. Sekiranya ada di antara pertalian darah terdekat menghidapai kanser, anda juga perlu menjalankan ujian saringan yang lebih awal.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kanser kolorektal atau perlu menjalani ujian saringan, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



# Putra Specialist Hospital atur langkah cegah COVID-19

**PUTRA SPECIALIST HOSPITAL**



PIHAK PSH sentiasa bersama-sama dengan kerajaan dalam memerangi pandemik COVID-19.

Liana Sahabudin  
FOTO MR AZLI

**TINDAKAN** kerajaan yang berusaha untuk melandaikan lengkung jangkitan COVID-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat sebagai satu bentuk inisiatif dalam menyeimbangkan kelangsungan ekonomi dengan kesihatan awam.

Malah, selain fokus ke arah itu, usaha mencegah penularan virus tersebut juga rancak dibincangkan serta dijalankan oleh pihak kerajaan mahupun swasta.

Justeru, pihak Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka juga tidak ketinggalan untuk menyumbang dari segi cadangan serta inisiatif, dalam memastikan negara berjaya memenangi 'perang' dengan virus pembunuhan tersebut.

#### LAKSANA 'VIRTUAL TALK SHOW'

Mengharungi musim pandemik COVID-19, PSH Melaka mengambil inisiatif dengan menganjurkan Virtual Talk Show bertemakan '*Healthy Mind Stress Free Life*', yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Melibatkan penyertaan dari lebih 30 negara, Ketua Pegawai Eksekutif PSH Melaka Datuk Wira Radhuana Saleh berkata, menerusi perkongsian dalam rancangan bual bicara secara maya itu, ia bertujuan untuk memberi pengetahuan serta kesedaran di kalangan masyarakat negeri serta negara amnya, terutamanya dari segi langkah pencegahan COVID-19 secara menyeluruh.

"Kempen ini diadakan secara dalam talian bersama Jamiyah Singapura serta beberapa negara anggota Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) seperti Indonesia, Thailand dan Kemboja."

"Sudah tentu kita mendapat kerjasama doktor-doktor pakar yang mempunyai peranan untuk memberi 'talk' mengenai kesedaran diri," katanya kepada Melaka Hari Ini.

#### SALUR TAKLIMAT KESIHATAN DI LAMAN SOSIAL

Jelasnya, pihaknya juga turut akan berkongsi taklimat berkaitan kesihatan, yang mana menyaksikan ianya akan diuar-uarkan di platform media sosial.

"Dengan adanya program sebegini, secara tidak langsung kita membantu masyarakat di luar mengatasi tekanan semasa berada di rumah dalam tempoh PKP."

"Ramai orang stres masa PKP sebab kena duduk rumah dan uruskan anak-anak semua, bila ada program ini, sudah pasti mereka dapat kurangkan tekanan," katanya lagi.

Ujarnya, PSH sentiasa menawarkan pelbagai pakej kesihatan yang kompetitif serta menggalakkan jabatan atau agensi kerajaan mendapatkan perkhidmatan PSH.

"PSH dalam rangka menyediakan program 'HealMindpro' bagi membantu majikan dan pekerja menangani isu kesihatan kesan penularan wabak COVID-19."

"Kita akan bekerjasama dengan pihak Non Communicable Disease (NCD) Venture Consultant dan Pfizer akan menawarkan pakej-pakej khidmat nasihat dan pemeriksaan kesihatan kepada majikan serta pekerja dengan kadar berpatutan," katanya.

Dalam pada itu, Radhuana berkata pihaknya diberikan hak bagi menawarkan program ujian mammogram secara percuma kepada masyarakat di Melaka.

"Program ini di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang menggalakkan semua wanita berumur 40 tahun dan ke atas untuk ambil peluang melakukan ujian mammogram."

"Ini sebagai langkah awal pencegahan kanser payudara dan pemeriksaan payudara yang ditawarkan secara digital adalah lebih selesa dan prosesnya lebih cepat," katanya lagi.



RADHUANA

# Pengusaha bas sekolah ibarat ‘tawa dalam tangisan’

**ENJIN** rosak sehingga terpaksa habis ribuan ringgit merupakan antara ‘beban’ terpaksa ditanggung segelintir kumpulan pengusaha bas sekolah di negeri ini sebelum memulakan perkhidmatan 1 Mac ini.

Menceritakan hal itu, seorang pengusaha Hairul Sham Hitam, 52, berkata, kerosakan itu berlaku selepas kesemua van sekolah miliknya tidak bergerak dalam tempoh lebih tiga bulan.

Memburukkan lagi keadaan perniagaan yang dijalankannya bersama isteri, Nurliana Kamarudin, 38, sejak enam tahun lalu juga perlu menanggung kos lain seperti tunggakan pinjaman kredit.

“Legi itu memanglah legi bila kerajaan umumkan sekolah kembali dibuka bermula 1 Mac ini kerana majoriti pengusaha bas bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa murid sekolah sebagai sumber pendapatan.

“Tetapi bila mengenangkan sudah lebih tiga bulan kenderaan kami tidak bergerak dan mengalami kerosakan, terpaksalah kami keluar-kan modal untuk kos baik pulih yang



HAIRUL memeriksa keadaan bas sekolahnya yang ditinggalkan di sebuah bengkel di Taman Muzaffar Heights selepas berdepan kerosakan enjin disebabkan tidak perkhidmatannya yang tidak beroperasi hampir tiga bulan lalu.

mencecah ribuan ringgit,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Tidak cukup dengan itu, Hairul berkata, dia turut mengalami kerugian mencecah RM7,000 sebulan

apabila terpaksa jual sebuah van serta menamatkan satu sewaan permit, sekaligus menyebabkannya sukar untuk kembali beroperasi seperti sebelum ini.

Sementara itu, Setiausaha Persekutuan Bas Sekolah Melaka, Chan Siew Khim, 56 berkata, kira-kira 90 peratus pengusaha bas di negeri ini menghadapi kerugian teruk sejak

awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

Ujarnya, rentetan itu kebanyakannya mereka juga terpaksa beralih bidang termasuk menyewakan kenderaan untuk kegunaan komersial bagi menampung kos kehidupan sehari-hari.

“Malah tidak dinafikan ada juga antara pengusaha bas terpaksa ‘gulung tikar’ apabila menjual bas dan van sekolah yang digunakan sebelum ini akibat tidak sanggup menanggung impak kerugian yang tinggi.

“Kalau untuk van, masih boleh sewakan kepada syarikat-syarikat penghantar, tetapi bagi yang memiliki bas mereka tiada pilihan lain selain terpaksa menyerah kalah,” katanya.

Bagaimanapun, pihaknya menghargai inisiatif kerajaan menyediakan bantuan sara hidup secara ‘one-off’ seperti Bantuan Prihatin Rakyat dan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi mengurangkan beban golongan terjejas sepertinya.

**RESIDENSI**  
**Bukit Katil**


Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka



#### Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

#### Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps  
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

**DISKAUN REBAT**  
**10%+10%\*** | **HARGA BERMULA DARIPADA**  
**RM 186,300\***

\*Terketuk pada terma & syarat

#### AG BUMI HARTANAH

#### RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Iasnin - Jumaat  
(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



[www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my)

Ibu Pejabat PRIMA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)

E-mel: [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my)

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang  
[Google play](#) [Download on the App Store](#)



PEMaju: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A, OASIS DABANSAWA, 47391 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor lesen Pengaju: 14/69-4501-2021/014331Q • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 – 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan Jualan: 14/69-4501-2021/014331P • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 – 15/1/2021 • Pinak Perkuasa Majlis Bandaraya Melaka Beserah • Nombor Pelan Bangunan Diluluskan: MBG/UBK/C0011/02/2016/9 • Pengembangan Perumahan: Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum): RM220,000 (maksimum): RM287,000 • Harga Jenis B (minimum): RM250,000 (maksimum): RM297,000 • Harga Jenis C (minimum): RM250,000 (maksimum): RM297,000 • Pegangan Taraf: Pegangan Belas Taraf Adat Melaka • Sekatan Kepentingan: Tiada • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh Dijangka Supai Mac 2023

# Setinggi-tinggi *Penghargaan*



kepada

**Kerajaan Negeri Melaka & Yayasan Melaka Di Atas Majlis  
Menandatangani Perjanjian Usahasama Membangunkan Rumah  
Mampu Milik (RMM) 2 Tingkat Di Merlimau**

Ikhlas daripada



**PROJEK BAWAH HANDAL GROUP**



**BJB Heights Residences (Fasa 1)**  
@ Bandar Jasin Bestari  
- Dijangka CCC 2021



**BJB Heights Residences (Fasa 2)**  
@ Bandar Jasin Bestari  
- Akan Datang



**BJB Uptown Commercial Square**  
@ Bandar Jasin Bestari  
- Siap Pembinaan



**RMM Merlimau**  
- Akan Datang

**Alamat Pejabat:**  
BJB Uptown, JC4188, Jalan PPB, Seksyen 4/4,  
Pusat Perniagaan Bestari Seksyen 4,  
77200 Bemban, Melaka. (06-253 3999)

**Untuk keterangan lanjut hubungi:**  
0162078193 (Julian), 0162073933 (Nadia)  
0162163939 (Fatin), 0167211322 (Ahmad)



**Mohamad Fazrul**

# Gajah Zoo Melaka faham bahasa Thai

**MENDENGAR** sahaja ungkapan 'Sawatdee' iaitu ucapan salam dalam bahasa Thailand, seekor gajah yang diberi nama Hani di Zoo Melaka ini pastikan akan kelihatan teruja dan membuat sejenis bunyi tanda menyahut.

# Idam emas, tetapi perlu realistik

DENGAN persiapan untuk Olimpik Tokyo terganggu disebabkan keadaan semasa akibat pandemik COVID-19, ratu terjun negara Pandelela Rinong merasakan sasarannya untuk meraih pingat emas Olimpik bukanlah satu saran yang realistik.

Penerjun berusia 27 tahun dari Kuching itu mengakui, walaupun menjadi impian dan harapannya untuk meraih pingat emas Olimpik, namun pingat perak atau gangsa dilihat sebagai lebih realistik disebabkan situasi yang telah menjelaskan jadual latihan dan pendedahan di luar negara.

Pandelela yang merupakan penerjun Malaysia pertama yang memenangi pingat Olimpik apabila memenangi pingat gangsa di London 2012, menjelaskan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, sesi latihan dikuangkan daripada dua sesi kepada satu setiap hari.

"Secara jujurnya, jika mahu membandingkan dengan perisapan untuk Olimpik sebelum ini, latihan sedia ada tidak mencukupi. Terdapat terlalu banyak perkara terjejas (akibat PKP) bukan sahaja latihan dengan hanya tinggal lima bulan sahaja lagi. Tetapi kita lihat bagaimana ia berlaku dan doakan yang terbaik."

"Persiapan boleh jadi lebih baik sekarang ini tetapi kita perlu ikuti SOP yang ketat. Dihar-

rapkan kita boleh mampu untuk beraksi dengan baik pada dua kejohanan besar (Piala Dunia Terjun pada April dan Olimpik pada Julai)," katanya kepada Bernama.

Bagaimanapun, Pandelela yang memang meraih pingat perak dalam acara terjun platform 10 meter seirama bersama Cheong Jun Hoong pada Olimpik Rio 2016, berjanji untuk berusaha sebaiknya untuk bertanding dan beraksi secara konsisten pada kejohanan-kejohanan tersebut.

Piala Dunia Terjun FINA di Tokyo diadakan pada 18-23 April merupakan kejohanan antarabangsa pertama untuk tahun ini, namun tertakluk kepada perubahan disebabkan Jepun telah meyambung sekatan sempadan sehingga 7 Mac.

Sementara itu mengulas mengenai vaksin COVID-19, Pandelela berkata walaupun atlet juga perlu di vaksinkan untuk berlatih dengan selamat dan mewakili negara di kejohanan antarabangsa termasuk Olimpik Tokyo, namun barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi perlu menjadi keutamaan.

"Saya percaya barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi patut dapat keutamaan dahulu. Atlet berprestasi tinggi mempunyai sistem imunisasi yang lebih kuat daripada orang biasa lain, bagaimanapun kita perlu mendapatkan vaksin tepat masanya bagi membolehkan

kita beraksi di Olimpik," katanya.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menghantar senarai 4,000 atlet dan pegawai yang akan mewakili negara kepada Menteri Koordinasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin untuk diberikan keutamaan divaksin.- BER-NAMA

PANDELELA



## E-sukan bukan alasan abai pelajaran

**GENERASI** muda yang bercita-cita bergelar pemain profesional sukan elektronik (e-sukan) disarankan supaya tidak mengabaikan kepentingan pelajaran dalam usaha menjadikan sukan berdasarkan permainan video itu sebagai kerjaya.

Saranan itu dilontarkan jaguh FIFA21 negara Muhammad Luqman Hajiman susulan bimbang elemen keseronokan di gelanggang maya yang bersifat sementara berupaya 'menjerat' minat dan perhatian individu lan-tas mengalah pandangan daripada perkara lebih mustahak.

Bagi penuntut Universiti Malaya berusia 24 tahun itu, beliau menganggap pelajaran sebagai komponen terpenting dalam kehidupan dan mampu menjamin kelangsungan hidup seseorang atlet pada masa depan manakala industri e-sukan secara amnya boleh disifatkan belum stabil.

Beliau berkata kehidupan pemain profesional e-sukan sering digambarkan indah namun sepanjang tiga tahun memegang gelaran itu, pelbagai dugaan dan rintangan membuka matanya akan kepentingan pelajaran dalam apa-apa jua yang dilakukan.

"Itu (kepentingan pelajaran) yang selalu saya tekankan walaupun memang ada niat mendalam hendak jadi pemain profesional dalam apa-apa saja berkaitan permainan video, pelajaran itu penting sebagai rancangan sandaran sekiranya apa yang kita hajatkan tidak menjadi," katanya kepada Bernama.

"Dalam penstriman langsung, saya juga selalu mengingatkan mereka terutama adik-adik yang masih bersekolah bahawa industri e-sukan belum stabil, e-sukan di Malaysia khususnya masih muda walaupun terdapat banyak potensi tetapi ia masih belum stabil," kata pelajar tahun akhir jurusan Sarjana Muda Kewangan itu.

Muhammad Luqman, atau lebih dikenali sebagai 'Fenrir' di gelanggang maya, berkata pelajaran amat penting bagi dirinya kerana mampu menjadi 'penyelamat' dalam mencipta kejayaan baharu jika sesuatu menimpa karier profesional e-sukannya.

"Kita tidak boleh ramal apa akan jadi

dalam masa 10 tahun lagi, mungkin lagi dua atau tiga tahun saya sudah tidak mampu berstanding di peringkat tertinggi atau minat saya tidak lagi terhadap bidang ini.

"Mereka yang hendak masuk ke dalam industri ini jangan tinggalkan pelajaran langsung. Mungkin susah hendak bahagikan masa antara waktu belajar dan latihan, mungkin nampak sukar tapi ia amat penting dan kita perlu ada inisiatif sendiri untuk buat jadual dan perancangan aktiviti harian," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pemain profesional FIFA21 Ahmad Shahrin Shaharudin berpendapat e-sukan sukar dijadikan sebagai karier sepanjang hayat berdasarkan faktor peningkatan umur dan tanggungjawab yang semakin besar.

"Saya rasa semua orang tahu e-sukan bukan untuk orang yang berumur jadi ia tidak akan bertahan lama dan sukar dijadikan satu karier untuk selama-lamanya. Jadi, amat penting kita lengkapkan diri dengan pelajaran supaya dapat menjamin pekerjaan di luar."

"Bagi saya, setakat ini industri e-sukan tidak begitu stabil, namun mungkin akan ditambah baik tetapi masih bagi saya ia tidak cukup untuk dijadikan sebagai pekerjaan sepanjang masa," kata pelajar jurusan perakuan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) berusia 21 tahun itu.

Muhammad Luqman dan Ahmad Shahrin mewakili GBX E-Sports Team kini di ambang mencipta sejarah dalam permainan video FIFA21 di peringkat global pada Kejohanan Piala Dunia FIFAe Club yang akan berlangsung secara dalam talian pada 25 hingga 28 Feb ini.

Kedua-dua remaja yang dianggap sebagai antara pemain ternama FIFA21 tanah air itu sedang giat menjalani persediaan membawa cabaran Malaysia yang buat julung kalinya layak ke pusingan akhir kejohanan itu.

Muhammad Luqman sebelum ini mencipta sejarah muncul pemain pertama Asia Tenggara mara ke pusingan kelayakan Piala Dunia FIFAe di Barcelona, Sepanyol pada 2018.- BERNAMA

## Tahun mencabar buat MUSA

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**PERSATUAN** Bolasepak Melaka United (MUSA) menyifatkan tahun 2021 sebagai tahun survival dan 'ikat perut' bagi badan induk bola sepak negeri itu.

Setiausaha Agungnya Ir Ahmad Roslee Hamzah berkata, hal itu berikutnya, pihaknya perlu memulihkan semula struktur persatuan yang sebelum dibebani dengan pelbagai masalah kewangan.

Ujarnya, sepanjang tempoh sukar ini pihaknya telah menggariskan beberapa misi antaranya untuk mengekalkan lesen persatuan selain melunaskan segala isu pembayaran elaun dan gaji pemain serta pegawai skuad Hang Tuah.

"Apabila saya dipanggil masuk semula ke dalam persatuan, misi pertama saya ialah untuk menambah baik struktur persatuan itu. Saya tidak mahu bercakap atau menjatuh hukum kepada pengurusan lalu, sebaliknya memberi fokus kepada pentadbiran baharu sekarang.

"Jadi bagi misi pertama saya ialah untuk mengekalkan lesen kerana kita masih mahu bertanding dalam saingan Liga Malaysia dan yang kedua kita mahu mengekalkan segala pembayaran gaji dan elaun pegawai serta pemain dari peringkat bawah sehingga pasukan utama.

**“ Infrastruktur yang dimaksudkan ialah satu bangunan baharu untuk kegunaan MUFC yang dianggarkan bernilai RM600,000 hingga RM700,000. Bangunan tersebut akan menempatkan bilik mesyuarat, bilik perbincangan, bilik Ketua Pegawai Eksekutif dan gimnasium khas untuk pemain. ”**

"Selain itu kita juga memberi fokus kepada ketulusan dan mengelakkan ketirisan. Memandangkan ini merupakan tahun survival atau bahasa mudahnya tahun ikat perut, kita meminta semua untuk berkorban bagi memastikan kita dapat terus bertahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media dalam Mesyuarat Jawatankuasa Media dan Perhubungan Awam MUSA bertempat di sebuah restoran di Ujong Pasir.

Mengulas mengenai aspek penajaan, Ahmad Roslee memaklumkan pihaknya telah menerima tajaan bernilai RM2.5 juta daripada Edra Power Holdings Sdn Bhd bagi tahun ini.

Bagaimanapun, penajaan itu jelasnya, bukanlah dalam bentuk wang ringgit bagi urusan pembayaran gaji pemain, sebaliknya ia adalah untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur MUSA dan anak syarikatnya Melaka United Football Club (MUFC) Sdn Bhd.

"Infrastruktur yang dimaksudkan ialah satu bangunan baharu untuk kegunaan MUFC yang dianggarkan bernilai RM600,000 hingga RM700,000. Bangunan tersebut akan menempatkan bilik mesyuarat, bilik perbincangan, bilik Ketua Pegawai Eksekutif dan gimnasium khas untuk pemain.

"Selain itu, peruntukan yang sama turut akan disalurkan bagi menaik taraf empat padang bagi tujuan latihan pemain dan sebagainya," katanya lagi.

**“ Infrastruktur yang dimaksudkan ialah satu bangunan baharu untuk kegunaan MUFC yang dianggarkan bernilai RM600,000 hingga RM700,000. Bangunan tersebut akan menempatkan bilik mesyuarat, bilik perbincangan, bilik Ketua Pegawai Eksekutif dan gimnasium khas untuk pemain. ”**

>> IDAM EMAS,  
TETAPI PERLU  
REALISTIK

Lihat muka 23

E-SUKAN BUKAN  
ALASAN ABAI  
PELAJARAN

Lihat muka 23



# Sukan



## Vaksin 'gembirakan' dunia bola sepak

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

Foto Kredit FB MUFC

RATA-RATA pemain bola sepak Melaka United Football Club (MUFC) menyambut baik ketibaan vaksin ke negara ini kerana ia bukan sahaja bakal menjadi jalan keluar untuk memerangi COVID-19, bahkan diyakini mampu menggalakkan kegemilangan sukan nombor satu negara itu sedikit masa lagi.

Bagi tonggak pertahanan MUFC Khairul Helmi Johari, kehadiran vaksin Pfizer-BioNTech ke negara ini disifatkan sebagai lang-

kah terbaik untuk semua pasukan kembali bernafas dalam mengharungi saingan Liga Malaysia yang akan bermula awal Mac ini.

Ujarnya, tiada apa yang lebih menggembirakan selain melihat industri bola sepak negara kembali meriah, khususnya dengan kehadiran penyokong ke stadium apabila pandemik itu berakhir sedikit masa lagi.

"Vaksin ini bukan sahaja untuk pemain bola sepak tetapi juga untuk seluruh rakyat dalam negara. Jadi, saya berharap ia memberi khabar gembira kepada semua

bukan sahaja untuk mengatasi COVID-19 tetapi juga memeriahkan kembali landskap bola sepak negara.

"Saya juga berharap agar dengan adanya vaksin, saingan liga tidak akan tertangguh dan segala perlawanan piala yang ada juga tidak dibatalkan seperti tahun lalu. Kalau boleh saya ingin mengharungi semua perlawanan hingga ke penghujung," katanya.

Nada sama turut disuarakan seorang lagi pemain di posisi pertahanan Razman Roslan.

Razman menganggap kehadiran

vaksin tersebut sebagai cara untuk segenap lapisan masyarakat kembali menjalani hidup seperti normal.

"Sebagai pemain kita percaya vaksin ini sesuatu yang baik untuk kita hentikan COVID-19. Saya berharap sangat suntikan vaksin itu dapat membantu kita semua menjalani hidup seperti sedia kala," katanya.

Turut tidak terkecuali meluahkan rasa gembira dengan ketibaan vaksin ialah tonggak import MUFC, Manuel Gelito Ott.

Pemain berdarah Jerman-Filipina yang beraksi di posisi ten-

gah itu menganggap vaksin sebagai khabar positif untuk semua pemain bola sepak yang kini sudah hampir setahun bergelut dengan perjalanan karier yang membimbangkan.

"Sudah tentu ia (vaksin) merupakan berita gembira untuk kami semua. Bukan sahaja pemain, tetapi kepada semua orang di seluruh negara.

"Dengan apa yang telah berlaku, mungkin kita boleh tersenyum sekarang dan mengharapkan pandemik ini segera berakhir. Bagi saya sendiri, ia memang satu berita yang cukup positif," ujarnya.

## Tahun mencabar buat MUSA

**PERSATUAN Bolasepak Melaka United (MUSA)** menyifatkan tahun 2021 sebagai tahun survival dan 'ikat perut' bagi badan induk bola sepak negeri itu.

Setiausaha Agungnya Ir Ahmad Roslee Hamzah berkata, hal itu berikutan, pihaknya perlu memulihkan semula struktur persatuan yang sebelum dibebani dengan pelbagai masalah kewangan.

Ujarnya, sepanjang tempoh sukar ini pihaknya telah menggariskan beberapa misi antaranya untuk mengekalkan lesen persatuan selain melunaskan segala isu pembayaran eluan dan gaji pemain serta pegawai skuad Hang Tuah.